









USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**HMT315/4 – SOSIOLINGUISTIK
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
SIDANG AKADEMIK 2020/2021
SEMESTER 1**

**TUGASAN: PROJEK 3
LAPORAN KAJIAN FENOMENA SOSIOLINGUISTIK DIGLOSLIA
DISEDIAKAN OLEH:**

BIL	GAMBAR AHLI	NAMA	NO.IC	NO. MATRIK
1.		AMIR ZIKRI BIN HUSSIN	981123-02-7205	144772
2.		MOHAMMAD AMIR BIN MOHD RUSMI.	981224-03-5933	142757
3.		NOR ATIQKAH BINTI ABDUL RAHIM	980218-07-5600	141590
4.		NUR HAZIMAH BINTI ABDUL AZIZ	980506-08-5678	143539
5.		NURUL FIKRAH BNTI AZIZ	980207-11-5208	141428
6.		SITI NUR FARHANIM BT MOHD JAMIL	980718-02-5570	142675

KUMPULAN: 9

DISEDIAKAN UNTUK: DR. RADIAH YUSOFF

DIGLOSLIA DALAM INTERAKSI SOSIAL DI YOUTUBE BERBAHASA MELAYU: SATU KAJIAN KES

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur bahasa Melayu dalam situasi yang memperlihatkan fenomena diglosia dalam interaksi sosial di YouTube berbahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui catatan pemerhatian pengkaji terhadap video YouTube berbahasa Melayu yang dipilih. Enam buah video YouTube berbahasa Melayu telah dijadikan bahan untuk mengeluarkan data kajian. Video YouTube yang dipilih meliputi video-video yang melibatkan situasi dalam lima domain mengikut pandangan Fishman (1972) iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan. Data diambil secara mentranskripsi perbualan dalam video YouTube yang dipilih selama lima minit. Transkripsi dilakukan secara grafemik. Analisis pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah dijalankan berdasarkan kepada sifat-sifat diglosia yang wujud berdasarkan Fishman (1972). Analisis corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur dalam video Youtube yang dipilih pula, dilakukan dengan mengikut teori domain oleh Fishman (1972) dan hasil kajian mendapati bahawa corak pemilihan bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur dalam video Youtube berbahasa Melayu dilakukan mengikut situasi. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa corak pemilihan bahasa Melayu tinggi sering digunakan dalam situasi rasmi, Manakala corak pemilihan bahasa Melayu rendah sering digunakan dalam situasi tidak formal. **[Hazimah]**

Kata Kunci: Diglosia, video YouTube berbahasa Melayu, bahasa Melayu tinggi, bahasa Melayu rendah, interaksi sosial, sosiolinguistik. **[Hazimah]**

1.0 PENGENALAN

Pada era teknologi digital, aplikasi YouTube sudah menjadi elemen penting dari segi penggunaannya. Hal ini demikian kerana, aplikasi ini bukan sahaja dapat memberi hiburan tetapi juga dapat memberi maklumat yang boleh memperkayakan pengetahuan masyarakat. Menurut Meyerson (2010), sejumlah 72 jam durasi video telah dimuat naik di YouTube setiap minit. YouTube bukan sahaja menyediakan kemudahan kepada semua masyarakat untuk mendapatkan maklumat tetapi aplikasi ini mendorong mereka untuk menyumbang dan berkongsi idea mereka. Selain itu, aplikasi YouTube juga mampu menunjukkan corak interaksi yang berlaku dalam kehidupan seharian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, rakaman di YouTube banyak memaparkan corak perbincangan, pertuturan dan perkongsian yang melibatkan bahasa. Youtube juga membenarkan penggunanya berkomunikasi dengan sesiapa sahaja. Oleh itu, bagi pendapat pengkaji aplikasi Youtube sememangnya merupakan platform yang sangat sesuai untuk melakukan kajian mengenai bahasa kerana terdapat banyak bahasa yang boleh dianalisis dalam aplikasi ini. Interaksi yang berlaku dalam video di YouTube memaparkan konteks penggunaan bahasa secara meluas. Melalui pemerhatian aplikasi YouTube jelaslah bahawa bahasa merupakan sesuatu yang penting dalam masyarakat untuk berinteraksi. [Hazimah]

Menurut Miftahul Jannah (2020), bahasa merupakan sistem atau alat manusia yang paling penting untuk melakukan aktiviti harian. Setiap masyarakat memerlukan bahasa untuk menyampaikan pesanan, perasaan dan keinginan, sama ada dari segi lisan mahupun tulisan. Dari segi lisan, bahasa digunakan secara pertuturan iaitu dengan mengeluarkan bunyi dari alat pertuturan. Walau bagaimanapun, di Malaysia terdapat perbezaan dalam mengujarkan sesuatu bahasa kerana rakyat Malaysia mempunyai pelbagai ragam yang mempengaruhi pertuturan mereka. Menurut Lau Su Kia (2007) Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum, bermulti budaya dan bermulti bahasa. Perkara inilah yang menyebabkan berlakunya perbezaan dalam menggunakan bahasa. Perbezaan pertuturan ini juga akan menyebabkan wujudnya variasi bahasa yang pelbagai. Di Malaysia, terdapat juga fenomena penggunaan bahasa dalam masyarakat yang dipilih berdasarkan konteks tertentu. Penutur akan memilih bahasa yang hendak digunakan berdasarkan kesesuaian sesuatu konteks misalnya dalam konteks rasmi penutur akan memilih untuk menggunakan bahasa yang formal manakala konteks tidak rasmi penutur akan menggunakan bahasa yang tidak formal seperti penggunaan dialek. Fenomena ini dikenali sebagai fenomena diglosia. [Hazimah]

Menurut takrifan Kamus Dewan (2005), diglosia merupakan kewujudan dua variasi bahasa dalam sesuatu bahasa mengikut situasi, yang satu lebih tinggi statusnya dan sering digunakan dalam situasi formal berbanding dengan situasi tidak formal. Konsep diglosia ini telah diperkenalkan oleh Ferguson pada tahun 1959 iaitu beliau menyatakan bahawa diglosia merupakan istilah yang menerangkan tentang wujudnya variasi bahasa dalam sesebuah komuniti. Variasi ini akan memainkan fungsi yang ditetapkan oleh penggunaannya. Menurut Ferguson (1959), variasi bahasa merujuk kepada bahasa tinggi dan bahasa rendah. Pendek kata, diglosia mewujudkan pengelasan bahasa iaitu bahasa yang tinggi dan rendah akibat tujuan atau fungsi penggunaannya dan dipengaruhi oleh kumpulan pengguna sesuatu bahasa itu dalam keadaan formal mahupun sebaliknya. Oleh itu, jelaslah bahawa seseorang penutur dalam sesuatu bahasa itu boleh memilih untuk menggunakan bahasa yang bervariasi mengikut situasi. [Hazimah]

Pemilihan bahasa oleh seseorang penutur boleh berubah untuk disesuaikan dengan fungsi penggunaan dalam sesuatu bahasa. Menurut Sa'adiyah Ma'alip (2014) Setiap ahli masyarakat mempunyai pilihan yang berbeza terhadap bahasa yang digunakan. Masyarakat bebas untuk memilih bahasa berdasarkan konteks tertentu. Pemilihan bahasa berkait rapat dengan penggunaan perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa. Dalam konteks diglosia, penutur sesuatu bahasa dilihat mempunyai sebab-sebab tertentu dalam memilih bahasa dan perbendaharaan kata khususnya bahasa tinggi dan bahasa rendah dalam konteks perbualan. Hal ini demikian kerana pemilihan bahasa ini dilakukan oleh penutur berdasarkan kesesuaian pemakaian sesuatu bahasa mengikut konteks-konteks tertentu. Bahasa merupakan satu alat yang penting bukan hanya dalam berkomunikasi tetapi juga penting dalam mewujudkan persahabatan, ikatan kekeluargaan dan hubungan ekonomi. Perkara ini ditambahkan lagi dengan pendapat Holmes (2002) yang menyatakan bahawa pemilihan ujaran yang sesuai dilihat sebagai kesopanan dalam mengambil kira perasaan orang lain semasa bertutur terutamanya terhadap pendengar atau orang yang dilawan bertutur. Oleh itu, jelaslah bahawa pemilihan bahasa yang sesuai merupakan sesuatu yang sangat penting. [Hazimah]

Dalam era yang kian maju ini, pelbagai corak pertuturan dapat dilihat melalui kemudahan yang wujud termasuklah aplikasi YouTube. Aplikasi ini telah memaparkan pelbagai video yang menunjukkan penggunaan bahasa dalam pelbagai konteks masyarakat. Oleh itu, Kajian ini dilakukan untuk menganalisis kepada corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur bahasa Melayu berdasarkan video YouTube berbahasa Melayu dengan melihat kepada situasi penutur dalam memilih sesuatu bahasa untuk melakukan pertuturan. Ukuran yang telah digunakan untuk menentukan sesuatu perbendaharaan kata bahasa Melayu itu tinggi atau rendah dalam kajian ini adalah berdasarkan pandangan Fishman (1972). Menurut Fishman (1972) bahasa tinggi merupakan bahasa yang digunakan dalam situasi rasmi dan dianggap bahasa yang sangat berprestij oleh masyarakat bahasa, manakala bahasa rendah pula merupakan bahasa yang digunakan setiap hari di rumah dan tidak tertakluk kepada peraturan bahasa. Selain itu, dalam kajian ini juga memperincikan faktor-faktor pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah yang dilihat berdasarkan teori domain. Teori domain yang digunakan ialah teori domain mengikut pandangan Fishman (1972). Berdasarkan pandangan Fishman (1972) terdapat lima domain dalam pemilihan bahasa iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan. [Hazimah]

2.0 ANALISIS KRITIS PENYELIDIKAN LEPAS

Pengkajian ini secara dasarnya menekankan aspek fenomena diglosia dalam kalangan masyarakat Melayu kini. Menurut takrifan Kamus Dewan (2005), diglosia adalah kewujudan dua variasi bahasa dalam sesuatu bahasa mengikut situasi, yang satu lebih tinggi statusnya apabila berada dalam situasi formal berbanding dengan yang satu lagi dalam situasi yang tidak formal. Sehubungan dengan ini, mewujudkan pemeringkatan bahasa yang tinggi dan bahasa rendah. Segala fungsi dan tujuannya dipengaruhi oleh kumpulan penutur yang terlibat bagi menentukan sesuatu bahasa itu dituturkan sama ada ianya formal ataupun sebaliknya. Kajian ini memfokuskan pemeringkatan bahasa tinggi atau bahasa rendah dalam penyampaian mengikut situasi sama ada formal ataupun sebaliknya. [Amir Zikri]

Jika dilihat berdasarkan kajian lepas, banyak memfokuskan fenomena diglosia yang digunakan mengikut situasi dan tempat masyarakat itu menuturkan. Bagi membuktikan penggunaan diglosia adalah disebabkan situasi dan tempat, terdapat beberapa kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji dalam bidang sosiolinguistik bagi mengukuhkan hujahan dengan pembuktian sedemikian. **[Amir Zikri]**

Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar dan Mohd Shariffudin (2019) dalam jurnal yang bertajuk *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor* mengkaji pemilihan dan penggunaan Bahasa dalam masyarakat Semai di Kawasan berkenaan. Secara umumnya, Bahasa semai telah menjadi bahasa ibunda bagi masyarakat setempat berkenaan yang menjadi titik kajian tersebut dan menekankan aspek penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua bagi kaum tersebut. Segala kajian lapangan telah dijalankan dengan menggunakan data primer bagi pengkajian itu dan mengaplikasikan pendekatan kualitatif serta kuantitatif. Penerapan Teori Domain Fishman (1972) juga dijadikan kayu ukur dalam menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat tersebut. **[Amir Zikri, Amir Rusmi]**

Dalam pada itu, *Kajian Diglosia antara Bahasa Jawa dan Sunda* oleh Endang Iryani (2017). Jurnal ini merupakan kajian luar negara yang berkaitan dengan aspek fenomena diglosia. Dalam kajian lepas tersebut menunjukkan penggunaan dwibahasa dan multibahasa yang diungkapkan oleh masyarakat setempat. Secara kasarnya, pola penggunaan kedua-dua Bahasa berkenaan menunjukkan keseragaman dan saling memerlukan dalam kehidupan keseharian bagi memudahkan komunikasi dituturkan tanpa adanya permasalahan. Penelitian ini menekankan penggunaan yang mudah digunakan dan menunjukkan terjadinya fenomena diglosia terhadap masyarakat tersebut. Kaedah kajian yang dilakukan seakan-akan sama seperti kajian yang dilakukan pengkaji tempatan. Perkara ini jika dibandingkan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara terhadap pengkajian diglosia yang menekankan aspek penggunaan bahasa sama ada ianya rendah ataupun tinggi bergantung situasi dan keadaan formal atau sebaliknya. **[Amir Zikri dan Farhanim]**

Seterusnya, Abd. Hadi Kudin dan Karim Harun (2017) dalam kajian mereka “*“Diglosia” dan “Loyalti” Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai*”. Kajian ini telah dijalankan di kawasan perkampungan Semai, Daerah Batang Padang, Tapah, Perak menggunakan metode kajian lapangan dan kepustakaan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengetahui pemilihan bahasa yang dibuat dalam interaksi social Orang Asli Semai dan melihat penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bahasa Semai sebagai bahasa ibunda dalam mencerminkan akal budi Orang Asli Semai. Teori yang digunakan oleh pengkaji adalah teori analisis domain Fishman (1972) dengan meneliti bahasa berdasarkan domain-domainnya. Kajian ini dijalankan keatas responden masyarakat Orang Asli Semai yang ditemui di kawasan sekitar Batang Padang, Tapah, Perak melalui kaedah Creswell (1998) iaitu teknik *accidently*. Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ini adalah diglosia tidak wujud dalam masyarakat Orang Asli Semai kerana sikap loyalty bahasa yang ada dalam diri Orang Asli Semai yang lebih suka menggunakan bahasa Semi ataupun dialek Semai yang mana bahasa ini berasal daripada tempat asal mereka yang berlaku secara tidak formal sesama etnik dan ahli keluarga mereka. Implikasinya, masyarakat Orang Asli Semai ini adalah unik kerana sikap setia kepada bahasa ibunda mereka menunjukkan semangat cintakan budaya dan identity mereka sendiri. Bahasa Melayu merupakan bahasa yang tinggi bagi masyarakat Orang Asli Semai ini dalam hal-hal social, ekonomi dan politik. Kajian yang dijalankan ini amat hebat dan lengkap namun pengkaji boleh memfokuskan kajian ini lebih terperinci kepada kesan-kesan

penggunaan bahasa Semai kepada masyarakat mereka sendiri dan kepada kemajuan negara.

[Amir Rusmi dan Farhanim]

Tambahan pula, Imelda Yance telah menjalankan kajian *Situasi Diglosia Suku Bonai di Provinsi Riau* yang dijalankan di seluruh kawasan suku Bonai yang terdapat di Provinsi Riau (Kabupaten Rokan Hulu dan Kabupaten Rokan Hilir) yang dipilih dari dua desa iaitu Desa Sontang dan Desa Teluk Sono. Seramai 78 orang responden digunakan dari dua desa tersebut. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan dengan menemu ramah dengan penduduk di desa tersebut dan kuantitatif berupa survey yang mengandungi 16 soalan untuk dijawab. Dapatan kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa suku Bonai merupakan masyarakat diglosia sekali gus bilingualism. Daripada kajian yang dijalankan dari segi indikator prestise, warisan, budaya, pemerolehan, standardisasi, leksikon, dan sistem fonologi menunjukkan bahasa Indonesia sebagai bahasa kod *H* dan bahasa Suku Bonai merupakan bahasa kod *L*. Bentuk tulisan menjadi aspek utama bagi Suku Bonai bukan aspek hubungan. Kajian yang dijalankan ini sudah lengkap dan tepat tetapi pengkaji boleh menambah kajian dengan memfokuskan kepada kaedah Fishman mengikut domain untuk mendapat maklumat terperinci bahasa Indonesia yang digunakan mengikut domain. **[Amir Zikri dan Farhanim]**

Seterusnya, Mohamad Zaki Abdil Halim dan Melor Fauzita Md. Yusof (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk *Diglosia dalam Salina: Satu Kajian Sociolinguistik*. Menurut Ferguson (1969), diglosia bermaksud istilah yang menjelaskan situasi tentang wujudnya variasi bahasa dalam sesebuah komuniti dan variasi ini memainkan fungsi yang ditetapkan oleh penggunaanya. Menurut Kamus Dewan (2005), diglosia adalah kewujudan dua variasi bahasa dalam sesuatu bahasa mengikut situasi, yang satu lebih tinggi statusnya apabila berada dalam situasi formal berbanding dengan yang satu lagi dalam situasi tidak formal. Fokus kajian diglosia dalam naskhah ini hanya melibatkan bentuk diglosia dwi/multibahasa di Malaysia. Kajian ini telah dijalankan dengan menekankan dialog yang digunakan oleh A. Samad Said melalui novel *Salina*. Dialog-dialog yang diteliti diberikan diberi taraf *H* atau *L* berpadanan dengan teori yang digunapakai. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori dari Fishman (1967) dan Ferguson (1959) dengan meneliti bahasa berdasarkan domain-domainnya. Kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti jenis diglosia yang wujud dalam novel *Salina* dan meneliti faktor-faktor sociolinguistik yang menjadi alat pembeza diglosia dalam novel *Salina*. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan penilaian. Kajian ini menggunakan kaedah ini dalam memerhati dan senario pembacaan novel dalam kalangan masyarakat untuk membuat pemilihan ke atas yang bermutu untuk dikaji. Pengkaji mendapati bahawa Diglosia dalam *Salina* ditentukan pemerangkatannya melalui latar masa dan masyarakat yang digarap oleh penulis. Pemerangkatan ini berdasarkan percakapan (dialog) yang diungkapkan oleh watak yang berlainan bangsa serta berbeza penguasaan bahasa. Pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilakukan ini telah mencapai objektifnya secara menyeluruh. **[Amir Zikri dan Amir rusmi]**

Akhir sekali, kajian Narindra Ramadhani Pribadi (2017) menjalankan kajian ini terhadap mahasiswa pendidikan bahasa Indonesia. Menurut Saddhono (2012), bahasa merupakan alat manusia untuk mengekspresikan fikiran dan perasaannya. Chaer dan Leonie (2004) mengatakan bahawa, ragam bahasa adalah keragaman sosial penutur bahasa itu dan keragaman fungsi bahasa. Menurut Fishman dan Iryani (2017) berpandangan bahawa diglosia boleh terjadi terhadap masyarakat yang mengenal lebih dari dua bahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui fenomena diglosia pada mahasiswa pendidikan bahasa Indonesia 2017

dalam kehidupan seharian. Metodologi yang digunakan dalam penelitian ini adalah penelitian kualitatif yang bersifat deskriptif analisis, iaitu objek tentang bagaimana ragam bahasa yang digunakan saat berbicara dengan seseorang. Berdasarkan hasil analisis data, pengkaji mendapati bahawa bahasa Indonesia dan bahasa Jawa ragam T (tinggi) digunakan semasa berkomunikasi dengan dosen dan karyawan atau pada saat perkuliahan berlangsung. Manakala bahasa Indonesia dan bahasa Jawa ragam R (rendah) digunakan semasa berkomunikasi bersama rakan sebaya. [Amir Rusmi dan Farhanim]

Berdasarkan kajian yang telah dikaji ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa sebahagian besar mahasiswa pendidikan bahasa Indonesia dapat dikatakan bilingualism. Hal ini kerana mereka mampu berkomunikasi dengan menggunakan dua bahasa iaitu bahasa Indonesia dan bahasa Jawa. [Farhanim]

3.0 TUJUAN DAN JUSTIFIKASI KAJIAN DILAKUKAN

Tujuan kajian ini dilakukan untuk:

- i. Mengenal pasti dan mengelompokkan perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa Melayu tinggi dan rendah mengikut pandangan Fishman (1972) melalui video YouTube berbahasa Melayu. [Hazimah]
- ii. Menganalisis dan menjelaskan corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur bahasa Melayu dalam situasi yang memperlihatkan diglosia dengan menggunakan teori domain oleh Fishman (1972). [Hazimah]

Justifikasi kajian ini dilakukan adalah kerana:

Pengkaji mendapati bahawa penggunaan bahasa Melayu tinggi dan rendah merupakan satu fenomena yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu dalam video YouTube berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun bahasa Melayu tinggi dan rendah digunakan dalam situasi yang berbeza. Menurut Fishman (1972) bahasa tinggi akan digunakan dalam situasi rasmi manakala bahasa rendah pula digunakan dalam situasi yang tidak rasmi. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengetahui faktor pemilihan bahasa tersebut. [Hazimah]

Selain itu, diglosia juga dipilih kerana pengkaji tertarik untuk mengkaji perbezaan perbendaharaan kata yang wujud dalam bahasa Melayu tinggi dan rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana hasil pemerhatian pengkaji dalam konteks penggunaan bahasa di sekeliling pengkaji, penutur menggunakan perkataan-perkataan yang berbeza untuk menyatakan maksud yang sama mengikut situasi. Misalnya perkataan 'bendani' digunakan dalam situasi tidak rasmi manakala perkataan 'perkara ini' digunakan untuk situasi rasmi. Kedua-dua perkataan ini membawa makna yang sama tetapi digunakan dalam situasi yang berbeza oleh penutur. Oleh itu, perbezaan penggunaan perbendaharaan kata mengikut situasi ini telah mendorong pengkaji untuk melihat lebih banyak perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah yang terdapat dalam video YouTube berbahasa Melayu. [Hazimah]

Seterusnya, kajian ini juga dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji ingin melihat faktor-faktor yang mempengaruhi corak pemilihan bahasa Melayu tinggi dan bahasa Melayu rendah. Hal ini demikian kerana, hasil pemerhatian pengkaji mendapati bahawa seorang

penutur akan dengan sendirinya bertutur menggunakan bahasa berlainan berdasarkan situasi yang sedang dihadapi. Perkara ini membuktikan bahawa seseorang penutur boleh menggunakan pelbagai jenis bahasa untuk melakukan pertuturan. Oleh itu, pada pendapat pengkaji faktor pemilihan bahasa tinggi dan rendah oleh penutur ini merupakan satu perkara yang unik untuk dikaji. [Hazimah]

4.0 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Melayu yang bertutur menggunakan bahasa Melayu berdasarkan video di YouTube. Penggunaan diglosia dalam bahasa Melayu ini dapat dilihat semasa wujudnya interaksi sosial dalam kalangan masyarakat Melayu mengikut situasi perbualan. Skop kajian ini tertumpu kepada fenomena diglosia yang mengkaji bahasa tinggi dan bahasa rendah dalam sesebuah komunikasi. Pemilihan bahasa boleh berlaku dari pelbagai aspek. Menurut Lim (2008) dalam kajiannya *Language choices of Malaysian youth* mendefinisikan bahawa pemilihan bahasa sebagai pelbagai atau kod yang digunakan atau digunakan oleh individu tertentu untuk tujuan atau fungsi tertentu dalam interaksi lisan. Lim melihat pemilihan bahasa sebagai suatu kelakuan seseorang memilih untuk menggunakan sesuatu bahasa, variasi bahasa atau kod berdasarkan sasaran atau fungsi interaksi yang berlangsung. Selain itu, Lim juga berpendapat bahawa pemilihan bahasa merupakan isu yang rumit kerana terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pemilihan bahasa atau domain bahasa dalam sesuatu pertuturan. Di sini, pengkaji telah mengklasifikasikan kajian ke atas video YouTube berbahasa Melayu mengikut lima domain yang berlandaskan pandangan Fishman (1970) iaitu domain pekerjaan, pendidikan, keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan. Kesemua enam video yang dipilih berdasarkan lima domain tersebut tetapi untuk domain pekerjaan pengkaji memilih dua video. Kelima-lima domain ini membawa kepada perbezaan jumlah penggunaan bahasa Melayu tinggi dan rendah dalam sesuatu perbualan. Oleh itu, jelaslah bahawa pengkaji ingin mengkaji perbezaan antara bahasa tinggi dan rendah yang digunakan bagi setiap domain dan mengapa perbezaan ini terjadi. [Fikrah, Hazimah]

Pengkaji turut membataskan pemilihan video di YouTube iaitu dengan membuat pengkajian ke atas video selama lima minit sahaja bagi setiap video. Hal ini dikatakan demikian kerana, jangka masa lima minit sudah dikira memadai untuk mengkaji perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah. Perbendaharaan kata ini diambil dalam setiap ayat yang dituturkan oleh seseorang penutur bahasa. Bagi setiap ayat yang dituturkan oleh penutur, pengkaji akan memilih satu sahaja perkataan untuk dijadikan data dalam membuat analisis. Pemilihan perkataan berdasarkan ayat dibuat untuk menilai perbendaharaan kata yang sering digunakan. Oleh itu, pengkaji tidak menganalisis kesemua perkataan yang dituturkan. [Fikrah]

Batas kajian ini juga melibatkan tiga aspek utama iaitu pengkaji mesti memfokuskan kepada aspek penggunaan bahasa tinggi mahupun bahasa rendah dalam penyampaian dalam kalangan masyarakat Melayu, mengenal pasti dan menganalisis video-video dari laman YouTube yang berkaitan dengan penggunaan bahasa tinggi atau rendah dengan terperinci yang berkait rapat dengan fenomena diglosia dan sekali gus menganalisis dan membuat perbandingan secara mendalam terhadap kajian lepas yang berkaitan diglosia bagi mengukuhkan lagi pengkajian ini. Selanjutnya, dalam pengkajian ini fokusnya adalah terhad

kepada beberapa aspek utama berkenaan yang berhubung kait dengan fenomena diglosia dan mengaplikasikan kajian ini pada masa akan datang. [Fikrah]

5.0 KAEDAH PENYELIDIKAN DAN TEORI YANG DIGUNAKAN

Terdapat empat kaedah penyelidikan dan satu teori yang digunakan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. [Hazimah]

5.1 KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian ke atas video YouTube. Pengkaji telah menyelidik video di YouTube yang memaparkan interaksi masyarakat berdasarkan domain bahasa. Kajian kes dilaksanakan untuk menghimpunkan data, memperoleh jumlah bahasa tinggi dan bahasa rendah yang digunakan dalam perbualan mengikut domain bahasa, dan mengenal pasti perbendaharaan kata bagi setiap tuturan yang dilihat dalam video yang dipilih. Pengkajian secara kualitatif merujuk kepada kajian yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang teliti ke atas sesuatu perkara seperti penelitian ke atas penggunaan bahasa tinggi dan bahasa rendah yang digunakan oleh komuniti di YouTube. Kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil dalam satu kumpulan (Hamzah, 2010). Sebagai contohnya, perbezaan perbendaharaan kata tinggi dan rendah yang digunakan mengikut situasi perbualan. Kajian kualitatif menurut Bryman (2008) adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Antara kelemahan kajian kualitatif adalah berkaitan dengan piawaian yang rendah kerana ketiadaan kriteria kualiti yang boleh dinilai (Hammersley 2007). Hal ini dapat dilihat, apabila pengkaji membuat perbezaan peratusan bahasa tinggi dan rendah bagi setiap domain yang terdapat dalam video berbahasa melayu di YouTube. Proses pengumpulan data dari video berlaku dengan cara mengenal pasti status individu yang terlibat dalam komunikasi, mendapatkan akses dan membina rekod tentang perbendaharaan kata yang digunakan dalam setiap tuturan kata oleh penutur bahasa melayu dan rendah, mengumpul data, merekod maklumat, serta membuat analisis data bahasa tinggi dan rendah yang diperolehi. Antara justifikasi kenapa kaedah kualitatif ini dipilih ialah bagi menentukan reka bentuk kajian yang sesuai, beberapa perkara penting diambil kira iaitu persoalan. Menurut Ahmad Naqiyuddin (2008a), Creswell (2009) dan Neuman (2010), pemilihan reka bentuk kajian boleh ditentu berdasarkan kepada empat faktor iaitu tujuan kajian, sasaran dan kumpulan sasaran. Pengkaji turut menjalankan kajian secara kuantitatif walaupun tidak banyak penggunaannya. Kajian kuantitatif melibatkan penggunaan statistik dan kenyataan berkaitan bahasa tinggi dan rendah mengikut domain dengan menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara situasi rasmi dan tidak rasmi dengan domain dan penggunaan bahasa tinggi dan rendah.

[Fikrah]

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan sumber internet bagi mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan ini. Antara laman sesawang yang diakses untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini adalah seperti, *Course Hero*, *Researchgate.net*, www.academia.edu dan sebagainya. Rujukan daripada sumber internet ini dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang lebih luas dan terkini mengenai skop kajian iaitu maklumat mengenai fenomena diglosia dalam video berbahasa

Melayu di YouTube berdasarkan teori domain. Hal ini kerana segala maklumat dapat diperoleh menerusi internet tanpa had dan merentasi masa dan banyak kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan topik kajian berjaya diperoleh. Pengaksesan menggunakan laman sesawang ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh maklumat mengenai perbandingan antara bahasa yang digunakan dalam setiap domain Bahasa dengan lebih tepat dan dipercayai. Segala maklumat yang diperoleh menerusi internet akan dikumpul untuk dimuatkan dalam penghasilan laporan kajian ini. **[Fikrah]**

Pengkaji menjalankan pemerhatian kepada enam video pilihan yang berkaitan dengan lima domain di YouTube. Pengkaji membuat pemerhatian ke atas video berbahasa melayu selama lima minit sahaja berdasarkan batas kajian. Hal ini demikian kerana, batas waktu lima minit sudah mencukupi untuk mengenalpasti perbendaharaan kata bahasa tinggi dan rendah bagi setiap ayat yang dituturkan dalam perbualan. Pemerhatian ini dijalankan untuk mengenal pasti jumlah penggunaan bahasa tinggi dan rendah yang digunakan oleh individu berbahasa. Kaedah pemerhatian yang dipilih ialah pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-observation*). Kaedah ini berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut. Apabila dilihat dari aspek pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji ialah pemerhatian secara penglibatan dengan fenomena diglosia dalam video di YouTube. Pemerhatian berperanan serta merujuk pada proses kajian yang mempersyaratkan penelitian pengkaji dengan subjek pengkajiannya dalam lingkungan subjek pengkajian itu sendiri. Penelitian dibuat bertujuan untuk memperoleh data melalui teknik yang sistematik. **[Fikrah]**

Akhir sekali, kajian juga dijalankan dengan menganalisis dokumen seperti jurnal kajian lepas, artikel berkaitan dengan fenomena diglossia dan kenyataan tentang perbezaan perbendaharaan kata tinggi dan rendah. Pengkaji juga telah mengaplikasikan kaedah analisis dokumen dalam menyempurnakan kajian tentang penggunaan Bahasa tinggi dan rendah mengikut video berbahasa melayu di YouTube. Pengkaji menganalisis dokumen yang telah diperolehi dari jurnal-jurnal Bahasa dan sosiolingistik. Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan. Dengan kata lain, bahagian dokumen yang dikaji mestilah dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332). **[Fikrah]**

Kesimpulannya, semua kaedah kajian ini dilakukan untuk meninjau pemilihan bahasa diglosia dalam dua pengelasan bahasa iaitu bahasa tinggi dan rendah dalam kalangan masyarakat berbahasa Melayu di YouTube. Analisis dilakukan mengikut teori domain yang diperkembangkan oleh Fishman (1972). Oleh itu, pemilihan bahasa yang digunakan dalam YouTube ditinjau berdasarkan tujuan kajian, batasan kajian dan fungsi komunikasi yang berlainan. **[Fikrah]**

5.2 TEORI DOMAIN FISHMAN (1972)

Kajian fenomena diglosia ini telah dijalankan dengan penjelasan teori domain pemilihan bahasa. Konsep domain yang digunakan dalam kajian ini dijadikan sebagai asas kerangka teori untuk meninjau pemilihan bahasa dalam laman sosial seperti video di YouTube. Menurut Fishman (1972), domain membina sosio-budaya yang diambil dari topik perbualan atau

komunikasi, hubungan antara penyampai dan penutur dan kawasan komunikasi selaras dengan institusi masyarakat. Berdasarkan teori ini, Fishman telah menggambarkan satu situasi interaksi sosial yang terbentuk daripada kombinasi faktor-faktor seperti topik perbualan, peserta dan lokasi komunikasi yang berlaku. Situasi yang berlaku inilah dikenali sebagai domain. Malah dinyatakan juga bahawa di bawah domain yang berlainan seperti lima domain yang telah dikaji iaitu domain pekerjaan, pendidikan, keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan. Dengan membuat analisis maklumat yang diperolehi melalui domain, maklumat ini dapat merumuskan bahawa norma-norma penggunaan bahasa, ragam bahasa atau variasi bahasa dalam sesuatu komuniti dengan lebih mudah lagi. Selain itu, ia juga dapat menerangkan jenis kod atau bahasa yang biasa dipilih oleh pengguna berdasarkan situasi yang berlainan, misalnya boleh sahaja bahasa yang berlainan digunakan dalam domain yang sama tetapi dalam masyarakat yang berbeza. [Fikrah, Hazimah]

Platt (1977) mengatakan bahawa, untuk menentukan jenis domain yang akan dikaji dalam sesuatu komuniti, adalah berkemungkinan untuk meletakkan domain dalam skala dari yang umum kepada yang paling tertutup dan meletakkan kepada tahap formaliti yang terdiri daripada sangat formal kepada yang paling tidak formal. Oleh itu pandangan Platt telah menunjukkan jenis domain yang dikaji dalam sesuatu komuniti adalah tidak terhad dan tidak ditetapkan. Justeru, dengan merujuk teori ini, komunikasi masyarakat di YouTube menjadi tumpuan dalam kajian yang memfokuskan kepada lima domain utama. Jika kita lihat dalam konteks sosiolinguistik sendiri, konsep penggunaan bahasa sentiasa dikaitkan dengan aspek pemilihan bahasa, terutamanya dalam komuniti. Hal sedemikian wujud apabila terdapat pelbagai situasi bahasa dalam sesebuah komuniti bahasa dan faktor ini telah mendorong penutur bahasa membuat pemilihan dan penyesuaian (Noriah Mohamed, 1998). Pemilihan bahasa dalam aspek diglosia ini boleh dijelaskan melalui penggunaan bahasa tinggi dan bahasa rendah dalam komunikasi mengikut domain bahasa. Hal ini bermakna, penutur akan cuba membuat penyesuaian dengan memilih bahasa yang bersesuaian dengan faktor sosial yang wujud dalam domain atau situasi berbahasa yang tertentu supaya penggunaan bahasa tinggi dan bahasa rendah yang dipilih dapat diterima. [Fikrah]

Kesimpulannya, teori ini amat bertepatan dengan kajian yang dijalankan berkaitan penggunaan bahasa rendah dan tinggi dalam kalangan masyarakat berbahasa Melayu di YouTube. Perkara ini lebih jelas lagi apabila Fishman membuat penjelasan tentang perkaitan antara topik perbualan, hubungan antara pengguna bahasa, dan tempat perbualan dijalankan merupakan elemen-elemen yang penting dalam aspek pembentukan teori domain dalam sesebuah masyarakat. Noriah Mohamed (2005) juga menjelaskan bahawa teori domain Fishman dapat menghuraikan situasi pemilihan bahasa dalam komuniti pelbagai bahasa. Ini bermaksud teori domain merupakan satu pengunci yang baik untuk mengkaji situasi pemilihan bahasa terutamanya di Malaysia yang mempunyai pelbagai bahasa ini. [Fikrah]

6.0 JENIS DATA

Berdasarkan kajian kami, kami telah menjalankan kajian berdasarkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Menurut Yusof (2003) data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temu bual dan sebagainya. Data primer merujuk kepada sumber data yang

tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujukan sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contohnya, data-data yang lepas atau terdahulu dikumpul untuk tujuan kajian. Data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau dikembangkan kepada informasi mahupun formulasi yang baru untuk kajian pada masa kini. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul kini mahupun masa depan. Contoh data sekunder yang dapat dilihat adalah dokumen awam seperti demografi penduduk, arkib, dokumen pentadbiran, laporan formal, majalah, surat khabar dan lain-lain lagi. [Amir Rusmi]

Berdasarkan kajian ini, sumber primer yang diambil adalah sumber yang dipetik atau diambil dari sumber yang dikenalpasti sebagai sumber primer iaitu berdasarkan beberapa video dari YouTube. Proses yang terlibat adalah proses pemerhatian di mana kami memerhati setiap perkataan yang dituturkan oleh individu yang terdapat di dalam video kami sebelum memilihnya sebagai perbendaharaan kata untuk kajian kami iaitu "Diglosia". Data-data primer yang kami ambil dari YouTube adalah bertajuk "Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen", "Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam", "Sam dan Tilla Kenal ke Tak", "Cikgu Neelofa ajar kecek bahasa Kelate", Kena Tahu: Alter & Go Terokai Bidang Jahitan & Tawar Pekerjaan" dan "Dr. Maszlee dan John Bear". Berdasarkan video-video tersebut, kami telah mengeluarkan patah perkataan bertujuan untuk memenuhi tujuan kajian kami. Pengkaji juga telah mengasingkannya kepada domain pekerjaan, domain pendidikan, domain keagamaan, domain kekeluargaan, dan juga domain persahabatan. [Amir Rusmi]

Selain itu, pengkaji juga telah merujuk sumber dari internet untuk mencari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian. Sebagai buktinya, pengkaji merujuk beberapa buah jurnal untuk memenuhi kehendak kajian. Sumber internet dikenal pasti sebagai sumber sekunder. Bukan setakat itu sahaja, pengkaji juga membuat rujukan daripada buku-buku yang berkaitan dengan "Diglosia". Sebagai contohnya, pengkaji merujuk buku sosiolinguistik yang dikarang oleh Noriah Mohamed dan Aniswal Abd Ghani. Sumber-sumber yang telah dirujuk oleh pengkaji amat membantu dalam menyempurnakan tugas ini. [Amir Rusmi]

7.0 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN PENYELIDIKAN PROJEK YANG DIJALANKAN KEPADA UNIVERSITI DAN NEGARA

Dengan adanya kajian-kajian ini, secara langsung dapat membantu golongan dan para pelajar dalam mengkaji bidang sosiolinguistik yang berkaitan fenomena linguistik. Penyelidikan ini boleh menjadi panduan dalam meningkatkan lagi kualiti pengurusan projek secara mendalam Para penyelidik khususnya yang berminat dengan kajian berkaitan berkemungkinan membantu para penyelidik mahupun pelajar untuk meneroka dengan lebih mendalam lagi tentang isu-isu berkaitan diglosia bagi menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan melahirkan idea-idea yang dapat diguna pakai oleh segenap lapisan masyarakat. [Amir Zikri]

Penerbitan kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik merupakan satu langkah permulaan menjadikan hasil penyelidikan lebih dikenali oleh masyarakat global. Kajian ini memfokuskan kepada corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur bahasa Melayu berdasarkan video YouTube berbahasa Melayu dengan melihat kepada situasi penutur dalam memilih sesuatu bahasa. Dalam pada itu, keseluruhan

kajian ini melihat faktor-faktor pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah berpandukan teori domain. Teori yang dikhususkan bagi pengkajian ini ialah teori domain yang mengikut pandangan Fishman (1972) dan memfokuskan lima domain iaitu domain kekeluargaan, persahabatan, keagamaan, pendidikan dan pekerjaan. [Amir Zikri]

Pelbagai kepentingan dan sumbangan kajian ini kepada universiti dan negara. Antara kepentingan kajian adalah segala penghasilan kajian diharap akan membantu dan dapat digunakan bagi memperkukuhkan lagi para penyelidik terutamanya siswazah yang menuntut di universiti bagi menambahkan maklumat tambahan dan sebagainya. Kajian ini juga akan menjadi rujukan akademik kepada pelajar dan pensyarah dalam aspek mencari maklumat dan ilmu yang baharu. Dalam pada itu, hasil kajian ini boleh memberi gambaran yang jelas untuk membantu bagi meningkatkan mutu rujukan yang sedia ada di universiti kepada orang ramai khususnya para penyelidik dan pelajar serta kajian yang diperoleh juga diharap dapat membantu mengenal pasti fenomena diglosia dari segi aspek penggunaannya dengan lebih terperinci. [Amir Zikri]

Kajian ini wajar dilakukan kerana adalah didapati mendatangkan panduan dan meningkatkan kualiti rujukan pada masa akan datang. Kejayaan dalam penyelidikan ini akan memberi sumbangan yang besar kepada negara dan bangsa dalam menjayakan dari sudut pembangunan akademik malahan meningkatkan tahap akademik ke tahap yang lebih positif. [Amir Zikri]

8.0 DAPATAN DAN ANALISIS DATA DARIPADA PENYELIDIKAN

Dalam kajian ini pengkaji telah menghuraikan dapatan secara menganalisis data dan membuat huraian kritis terhadap dapatan tersebut. [Hazimah]

8.1 ANALISIS DATA DAPATAN

Tujuan pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan mengelompokkan perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa Melayu tinggi dan rendah melalui data yang diperolehi dalam video YouTube berbahasa Melayu. Pengelompokkan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah dibuat berlandaskan pandangan Fishman (1972) dan data perbendaharaan kata yang telah dikelompokkan mengikut bahasa Melayu tinggi dan rendah boleh dilihat dibahagian lampiran 26 hingga lampiran 30. Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan keseluruhan penggunaan bahasa Melayu tinggi dan rendah yang telah dianalisis secara peratusan. Hasil dapatan ini telah dikelompokkan mengikut domain pekerjaan, pendidikan, keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan berdasarkan teori domain oleh Fishman (1972). [Hazimah]

Domain	Bahasa Tinggi	%	Bahasa Rendah	%	Jumlah	%
Pekerjaan	51	54.3%	43	45.7%	94	28%
Pendidikan	54	77.14%	16	22.86%	70	21%
Agama	23	38%	38	62%	61	18%

Keluarga	29	47.5%	32	52.5%	61	18%
Persahabatan	19	36.53%	33	63.46%	52	15%
Jumlah	176		160		338	100%

JADUAL 1 [Hazimah]

Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam video YouTube yang berkaitan dengan domain pekerjaan iaitu video YouTube yang bertajuk “Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen” di bawah rancangan *Malaysia Hari ini* dan video YouTube bertajuk “Kena Tahu: Alter & Go Terokai Bidang Jahitan & Tawar Pekerjaan | Borak Kopitiam (3 Ogos 2019)” mendapati bahawa perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi lebih kerap digunakan berbanding bahasa Melayu rendah. Domain pekerjaan ini melihat kepada interaksi antara penutur dan rakan sekerjanya. Video YouTube pertama, kajian dijalankan dari minit 00:00:24 sehingga 00:05:27 manakala video YouTube kedua kajian dijalankan dari minit 00:00:00-00:05:31. Kedua-dua video ini dipilih kerana mempunyai perbincangan tentang sektor pekerjaan dan kerjaya serta turut melibatkan pekerjaan sebagai penemubual. Berdasarkan kedua-dua video ini, pengkaji telah berjaya mengeluarkan data perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa melayu tinggi dan rendah berdasarkan domain pekerjaan. Data keseluruhan bagi bahasa tinggi ialah 51 iaitu bersamaan dengan 54.3 % manakala data keseluruhan bagi bahasa rendah pula ialah 43 bersamaan 45.7% mengikut domain pekerjaan. Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat ke atas kedua-dua video ini, didapati penggunaan bahasa tinggi lebih banyak digunakan dalam domain pekerjaan. Namun begitu, bahasa rendah juga dilihat tidak banyak perbezaan dari segi penggunaannya. [Hazimah, Fikrah]

Domain pendidikan pada kajian ini melihat kepada interaksi antara penutur yang berpendidikan tinggi dalam membicarakan hal-hal mengenai pendidikan. Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam video YouTube yang berkaitan dengan domain pendidikan iaitu video “Dr. Maszlee x John Bear” yang dikaji bermula dari minit 00:00 sehingga ke minit 12:11, pengkaji mendapati bahawa perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi lebih kerap digunakan berbanding bahasa Melayu rendah. Video ini dipilih kerana video ini melibatkan soal jawab mengenai perkara yang berkaitan dengan hal-hal pendidikan seperti hal pembangunan sekolah, pelajar-pelajar daif, pelajar kurang upaya dan sebagainya. John Bear merupakan individu yang bertindak sebagai penemu bual Dr. Maszlee. Berdasarkan video tersebut, pengkaji telah berjaya mengelurkan data-data iaitu perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan bahasa Melayu rendah yang digunakan di dalam video tersebut. Terdapat sebanyak 70 patah perkataan yang diperolehi melalui video tersebut. Bahasa Melayu tinggi yang diperolehi adalah sebanyak 54 patah perkataan bersamaan 77.14 % dan sebanyak 16 patah perkataan bahasa Melayu rendah bersamaan 22.86 %. Berdasarkan domain pendidikan, bahasa Melayu tinggi lebih banyak digunakan dalam video ini berbanding dengan bahasa Melayu rendah. [Atiqkah, Hazimah]

Seterusnya, domain keagamaan pada kajian ini melihat kepada interaksi antara penutur yang berpendidikan agama dalam membicarakan hal-hal berkaitan agama. Dalam konteks ini agama islam telah dipilih iaitu melibatkan Ustaz Wan Hizam. Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam video YouTube yang berkaitan dengan domain keagamaan iaitu video “Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam” yang dikaji bermula minit 03:49 saat sehingga 10:23 saat telah melibatkan soal jawab tentang ilmu agama yang dijalankan secara langsung bersama-sama rakan ustaz iaitu Abang Lee. Abang Lee turut bersama-sama dalam sesi soal jawab tersebut membacakan soalan daripada penonton yang mengikuti sesi soal jawab

bersama-sama Ustaz Wan Hizam. Berdasarkan video tersebut, pengkaji berjaya mengeluarkan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah yang digunakan dalam video tersebut. Terdapat 61 perkataan yang diperolehi berdasarkan video tersebut. 23 bahasa Melayu tinggi yang diperolehi bersamaan 38% dan 38 perkataan yang diperolehi dalam bahasa Melayu rendah bersamaan 62% mengikut domain keagamaan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat berdasarkan video ini mengikut domain keagamaan, bahasa rendah banyak digunakan berbanding bahasa tinggi. [Farhanim, Hazimah]

Domain kekeluargaan pada kajian ini melihat kepada interaksi antara penutur yang mempunyai hubungan kekeluargaan. Dalam konteks kajian ini Sam dan Tilla merupakan suami isteri. Berdasarkan kajian yang dijalankan mengikut video YouTube yang berkaitan dengan domain kekeluargaan iaitu video YouTube yang bertajuk "Sam & Tilla | Kenal ke Tak?" yang dikaji bermula minit 00:00:00 sehingga 00:05:00 telah melibatkan soal jawab secara rawak tentang isu kekeluargaan. Kajian ini mendapati bahawa perbendaharaan bahasa Melayu rendah lebih kerap digunakan berbanding bahasa tinggi berdasarkan video tersebut. Terdapat 61 perkataan yang diperolehi berdasarkan video berkenaan. Sebanyak 29 perkataan bahasa tinggi yang diperolehi bersamaan 47.5% dan 32 perkataan bahasa Melayu rendah yang diperolehi bersamaan 52.5% mengikut domain kekeluargaan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat dengan mengkaji video ini mengikut domain kekeluargaan, telah mendapati bahawa bahasa Melayu rendah banyak digunakan berbanding bahasa tinggi. Namun begitu, bahasa tinggi juga dilihat tidak banyak perbezaan dari segi penggunaannya. [Amir Zikri, Hazimah]

Akhir sekali dalam domain persahabatan pada kajian ini melihat kepada interaksi antara penutur yang mempunyai hubungan persahabatan. Dalam konteks kajian ini penutur yang berinteraksi dalam video yang dipilih mempunyai hubungan persahabatan. Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam video YouTube yang berkaitan dengan domain persahabatan iaitu video "Cikgu Neelofa ajar kecek bahasa Kelate" yang dikaji bermula saat 00:00:01 sehingga minit 00:17:30 telah melibatkan perbualan atau pertuturan yang melibatkan empat individu iaitu Shalma Ainaa, Neelofa, Deepa dan juga Shahani yang mempunyai perkaitan persahabatan. Shalma Ainaa bertindak sebagai pengacara merangkap pelajar yang akan belajar bahasa Kelantan di dalam video tersebut. Neelofa pula merupakan artis jempunan yang akan mengajar mereka bertiga berkaitan dengan bahasa Kelantan manakala Deepa dan Shahani merupakan pelajar yang akan belajar bahasa Kelantan. Berdasarkan video tersebut, pengkaji berjaya mengeluarkan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah yang digunakan dalam video tersebut. Terdapat 52 perkataan yang diperolehi berdasarkan video tersebut yang terdiri daripada 33 perkataan untuk bahasa rendah bersamaan dengan 62.46% daripada jumlah keseluruhan iaitu 52 perkataan. Bagi bahasa tinggi pula, pengkaji berjaya mendapati bahawa terdapat 19 perkataan yang mewakili bahasa tinggi yang bersamaan dengan 36.53% daripada jumlah keseluruhan iaitu 52 perkataan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat berdasarkan video ini mengikut domain persahabatan, bahasa rendah banyak digunakan berbanding bahasa tinggi. [Amir Rusmi, Hazimah]

8.2 HURAIAN KRITIS DAPATAN

Huraian kritis dilakukan oleh pengkaji adalah untuk memastikan tujuan kedua kajian ini dicapai. Tujuan kedua kajian ini adalah untuk menganalisis corak pemilihan perbendaharaan

kata bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur bahasa Melayu dalam situasi yang memperlihatkan diglosia dengan menggunakan teori domain oleh Fishman (1972). Dalam kajian ini pengkaji akan menganalisis faktor pemilihan bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur. Oleh itu, pemilihan bahasa penutur ini ditinjau oleh pengkaji melalui video YouTube berbahasa Melayu yang dipilih berdasarkan beberapa situasi mengikut teori domain. Dalam huraian ini, corak pemilihan bahasa penutur akan dihuraikan mengikut lima domain iaitu domain kekeluargaan, domain persahabatan, domain keagamaan, domain pendidikan dan domain pekerjaan. **[Hazimah]**

Corak pemilihan bahasa dalam domain pekerjaan menunjukkan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi lebih banyak digunakan. Buktinya berdasarkan kajian ini menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi adalah sebanyak 54.3%, manakala bahasa Melayu rendah pula adalah sebanyak 45.7%. Perkara ini membuktikan bahawa bahasa tinggi sering digunakan dalam domain pekerjaan. Perkara ini berlaku kerana, kebanyakan hal yang terlibat pekerjaan dan tugas adalah berkaitan dengan pengetahuan baharu dan pengalaman kerja yang banyak melibatkan bahasa Melayu secara formal, maka secara tidak langsung perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dijadikan pilihan bahasa yang utama. Dalam konteks kajian ini, penggunaan bahasa tinggi boleh dirujuk sebagai kebolehan seseorang memahami, mengetahui, mengenal pasti dan menganalisis peraturan tatabahasa atau rumus bahasa Melayu yang mendasari sistem tatabahasa bahasa Melayu dengan baik dan betul. Menurut Mohammed Azlan Mis (2010) pemilihan bahasa dalam domain pekerjaan dipengaruhi oleh situasi. Berdasarkan data kajian mendapati bahawa bahasa tinggi memperoleh peratus yang lebih tinggi berbanding bahasa rendah dalam video tersebut kerana dalam domain pekerjaan, topik yang sering dibincangkan adalah penting dan berkaitan dengan urusan dan situasi rasmi misalnya pekerjaan temu bual dalam video Youtube tersebut merupakan satu situasi yang formal. Tambahan pula, dalam domain pekerjaan sering melibatkan penutur yang mempunyai intelektual yang tinggi misalnya NorNadira Mohd Johari merupakan seorang yang berintelektual dan beliau sering menggunakan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi sepanjang melakukan pertuturan di dalam Video yang bertajuk “Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen” | MHI (15 Mei 2019). Dalam video ini NorNadira Mohd Johari banyak menggunakan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi seperti perkataan strategi (<https://youtu.be/mOMxwiRcvig>, 00:05:13). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah dalam domain pekerjaan menunjukkan pemilihan bahasa Melayu tinggi adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa rendah kerana faktor konteks situasi yang rasmi, topik perbualan berkaitan dengan urusan pekerjaan yang formal serta tahap pendidikan penutur. **[Fikrah, Hazimah]**

Seterusnya, berdasarkan domain pendidikan yang digunakan untuk mengkaji video ini, penggunaan bahasa dalam domain ini lebih memfokuskan kepada penggunaan bahasa Melayu tinggi. Contohnya, berdasarkan data yang telah diperolehi, peratus perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi yang digunakan dalam video tersebut adalah lebih tinggi berbanding dengan bahasa rendah. Buktinya berdasarkan kajian menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi adalah sebanyak 77.14% manakala bahasa Melayu rendah pula adalah sebanyak 22.86%. Hal ini demikian kerana, Dr. Maszlee dan John Bear lebih banyak menggunakan bahasa tinggi semasa berkomunikasi. Pemilihan bahasa ini boleh dikaitkan dengan topik perbincangan yang dibincangkan kerana topik tersebut berkaitan dengan pendidikan. Perkara ini ditambahkan lagi dengan latar penutur iaitu Dr.

Maszlee yang merupakan Menteri Pendidikan pada ketika itu. Oleh itu, corak pemilihan bahasa lebih memfokuskan kepada bahasa formal. Terdapat juga bahasa rendah iaitu dialek yang telah digunakan oleh John Bear semasa menyoal Dr. Maszlee. John Bear menggunakan dua bahasa iaitu dialek utara dan bahasa formal supaya situasi tersebut kelihatan lebih santai dan bersahaja. Walau bagaimanapun bahasa rendah ini tidak terlalu meluas digunakan dalam domain Pendidikan. Berdasarkan kajian, pemilihan bahasa dalam domain pendidikan berdasarkan video YouTube pilihan sangat berkaitan dengan latar topik dan latar belakang penutur yang sedang bertutur iaitu Dr. Maszlee dan John Bear dalam video yang bertajuk “Dr. Maszlee x John Bear” kerana kedua-dua penutur merupakan orang berpendidikan dan sedang berkomunikasi mengenai topik yang formal iaitu berkaitan pendidikan. Buktinya, dalam video yang bertajuk “Dr. Maszlee x John Bear”, banyak menggunakan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi seperti perkataan ideologi (<https://www.youtube.com/watch?v=0a5BsgkN2II>, 00:00:05) yang diujarkan oleh John Bear. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa corak pemilihan bahasa Melayu tinggi dan rendah dalam domain pendidikan menunjukkan pemilihan bahasa Melayu tinggi adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa rendah kerana faktor konteks yang rasmi dan sering membicarakan hal-hal yang bersifat ilmiah serta melibatkan peserta yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi. **[Atiqah, Hazimah]**

Bagi domain keagamaan, penggunaan bahasa rendah banyak digunakan dalam menyampaikan ilmu dan dakwah. Buktinya berdasarkan kajian menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu rendah adalah sebanyak 62% manakala bahasa Melayu tinggi pula adalah sebanyak 38%. Hal ini kerana menurut Zikmal Fuad (2015), beliau mengatakan bahawa bahasa merupakan daya tarikan yang diperlukan untuk menyampaikan makna dan membuat orang lain faham dan mengerti atau sebaliknya. Masyarakat yang mendengar dakwah dan ilmu-ilmu agama ini akan merasa dekat dan mudah untuk difahami. Kesalahan-kesalahan dalam bahasa pendakwah akan menyebabkan kegagalan sesuatu ilmu itu disampaikan. Penyampaian ilmu tidak akan sampai kepada pendengar kerana kegagalan penggunaan bahasa yang disampaikan. Ilmu baharu yang diperolehi adalah tidak tepat dan bekemungkinan terpesong. Ustaz Wan Hizam menggunakan dialek Kedah dalam menyampaikan ilmu dan maklumat. Hal ini kerana, penonton lebih tertarik dengan cara penyampaian yang santai dan bersahaja berbanding penyampaian yang formal. Penonton mudah memahami tentang ilmu yang disampaikan kerana bahasa yang dekat dengan jiwa mereka sendiri. Seterusnya gaya penyampaian Ustaz Wan Hizam diminati banyak golongan muda berbanding orang tua kerana teknik pemanfaatan bahasa yang pelbagai. Penggunaan bahasa yang terkini juga dekat dengan jiwa anak muda menjadikan sesuatu program itu mendapat sambutan ramai. Hal ini jelas menunjukkan dalam data di atas iaitu bahasa rendah memperoleh peratus yang lebih banyak berbanding bahasa tinggi kerana penerimaan masyarakat itu sendiri dalam domain keagamaan. Sebagai contoh dalam video “Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam” banyak menggunakan bahasa yang bersifat santai misalnya perkataan “tak payah” (<https://youtu.be/WoQCIOapL-o>, 00:04:05) yang membawa maksud “tidak perlu” dalam bahasa rasmi. Kesimpulannya, dalam domain keagamaan berdasarkan video daripada *Youtube* menunjukkan pemilihan bahasa Melayu rendah adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa tinggi disebabkan atas faktor bahasa tarikan yang mudah difahami oleh pendengar kerana bahasa rendah lebih mudah difahami berbanding bahasa yang agak formal. **[Farhanim, Hazimah]**

Seterusnya bagi domain kekeluargaan penggunaan bahasa rendah lebih banyak digunakan disebabkan oleh faktor masyarakat sekeliling dan ahli keluarga. Bahasa rendah

merupakan pilihan utama dalam domain kekeluargaan untuk melakukan interaksi atau komunikasi. Buktinya berdasarkan kajian menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu rendah adalah sebanyak 52.5% manakala bahasa Melayu tinggi pula adalah sebanyak 47.5%. Pemilihan bahasa dalam domain kekeluargaan dilihat berdasarkan topik komunikasi, hubungan antara penyampai dan kawasan komunikasi sejajar dengan institusi sesebuah kekeluargaan. Berdasarkan data tersebut, menunjukkan bahawa penggunaan bahasa tinggi dan rendah tidak sekata semasa berkomunikasi antara satu sama lain dan ada kalanya menggunakan bahasa Inggeris bagi sesuatu perkataan. Bahasa rendah memperoleh peratus yang tinggi berbanding bahasa tinggi kerana dalam domain kekeluargaan, topik perbincangan selalunya bersifat santai dan hanya membicarakan hal-hal peribadi. Tambahan pula dalam video tersebut peserta yang terlibat dalam interaksi domain ini mempunyai perhubungan kekeluargaan iaitu suami dan isteri. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, perbendaharaan kata bahasa Melayu rendah digunakan kerana faktor kemesraan bagi ahli keluarga. Misalnya dalam video "Sam & Tilla | Kenal Ke Tak?" terdapat penggunaan perkataan yang kasar yang digunakan untuk menunjukkan kemesraan seperti perkataan "harey" (<https://youtu.be/Oj4MDLcaQgc>, 00:02:18) yang diujarkan oleh Shaheizy Sam kepada isterinya. Pilihan bahasa yang bersifat mesra bertujuan mewujudkan komunikasi yang lebih berkesan dapat mewujudkan keintiman antara ahli keluarga (Mohammed Azlan Mis, 2010). Kesimpulannya, bagi domain kekeluargaan berdasarkan video daripada youtube menunjukkan bahasa Melayu rendah adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa tinggi kerana faktor kemesraan antara penutur dan faktor topik perbincangan kerana topik yang melibatkan ahli keluarga selalunya tidak bersifat formal kerana membincangkan hal-hal keluarga sahaja. **[Amir Zikri, Hazimah]**

Di samping itu, domain persahabatan pula banyak menggunakan bahasa rendah berbanding bahasa tinggi. Bahasa rendah digunakan sebagai bahasa utama untuk melaksanakan komunikasi antara penutur dalam domain persahabatan. Buktinya berdasarkan kajian menunjukkan penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu rendah adalah sebanyak 63.46% manakala bahasa Melayu tinggi pula adalah sebanyak 36.53%. Hal ini demikian kerana, bahasa rendah yang agak santai sesuai digunakan dalam perbualan yang santai. Berdasarkan kajian yang dilakukan domain persahabatan banyak menggunakan bahasa yang sering dituturkan oleh sekeliling seperti penggunaan dialek. Dialek merupakan bahasa ibunda bagi sesuatu masyarakat dan bahasa ini merupakan pilihan yang paling sesuai dengan sesama keluarga dan kontak rapat (Mohammed Azlan Mis, 2010). Menurut Nik Safiah Karim (1981) mendefinisikan dialek sebagai jenis-jenis bahasa yang ditentukan mengikut wilayah. Buktinya dalam kajian yang dijalankan terhadap video youtube berbahasa Melayu yang dipilih menunjukkan penggunaan dialek menjadi pilihan utama untuk digunakan semasa membincangkan sesuatu perkara dalam interaksi antara sahabat. Faktor pemilihan dialek atau bahasa Melayu rendah ini dalam video "Cikgu Neelofa ajar kecek bahasa Kelate" semasa berkomunikasi adalah untuk mewujudkan kemesraan. Hal ini kerana penggunaan bahasa rendah boleh merapatkan hubungan silaturrahim dan berasa tidak kekok untuk berinteraksi. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa bahasa rendah telah memperoleh peratus yang lebih berbanding bahasa tinggi dalam membincangkan domain persahabatan. Sebagai contoh dalam video yang bertajuk "Cikgu Neelofa Ajar Kecek Bahasa Kelate / Speshals Sunday" (Jun,14,2020) Shalma Ainaa telah menggunakan perkataan "tino" (https://www.youtube.com/watch?v=XfvK_VMinFg&t=443s, 00:11:15) yang membawa

maksud betina dalam bahasa formal bertujuan ingin bergurau dengan rakannya. Perkataan betina merupakan sesuatu yang kasar jika dinilai dari segi maknanya, namun dalam konteks ini penutur menggunakan perkataan tersebut untuk menunjukkan kemesraan dan keakraban bersama penutur yang lain. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa corak pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi dan rendah dalam domain persahabatan menunjukkan pemilihan bahasa Melayu rendah adalah lebih kerap digunakan berbanding bahasa tinggi. Hal ini berlaku disebabkan faktor situasi kerana situasi dalam perbualan yang melibatkan domain persahabatan merupakan situasi tidak formal serta topik perbualan yang dibincangkan biasanya bersifat santai iaitu berkaitan dengan aspek kekeluargaan, pekerjaan, dan gurau senda. Perhubungan antara peserta dalam domain ini biasanya mesra juga merupakan salah satu faktor pemilihan bahasa Melayu rendah dalam domain persahabatan.

[Amir Rusmi, Hazimah]

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa kewujudan diglosia dalam video YouTube berbahasa Melayu berlaku disebabkan beberapa faktor. Faktor ini boleh dilihat berdasarkan konteks penggunaan bahasa mengikut situasi, topik perbualan, perhubungan antara penutur dan latar belakang penutur. Berdasarkan kajian ini jelaslah bahasa seseorang penutur mampu menggunakan bahasa yang pelbagai bahasa mengikut konteks tertentu. Konteks ini ditentukan oleh tujuan atau situasi sesuatu bahasa digunakan. Dalam kajian ini, pemilihan video mengikut domain melihat wujudnya perbezaan dalam corak pemilihan bahasa Melayu tinggi dan rendah oleh penutur dalam setiap video tersebut. Oleh itu, jelaslah bahawa seseorang penutur akan memilih bahasa yang ingin digunakan berdasarkan konteks pertuturan. Konteks ini melibatkan latar belakang penutur, topik perbincangan, hubungan antara penutur serta situasi sama ada rasmi atau tidak. Berdasarkan konteks ini penutur akan memilih bahasa yang akan digunakan untuk dipertuturkan. Misalnya dalam pertuturan yang melibatkan hal-hal rasmi, penutur akan menggunakan bahasa yang tinggi. Dalam kajian ini domain pekerjaan dan domain pendidikan merupakan domain yang mempunyai peratusan pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu tinggi yang tinggi. Manakala domain melibatkan hal-hal yang tidak rasmi atau santai seperti domain kekeluargaan, domain keagamaan dan domain persahabatan menunjukkan peratusan pemilihan perbendaharaan kata bahasa Melayu rendah yang tinggi. Oleh itu, jelaslah bahawa seseorang penutur akan memilih bahasa berdasarkan situasi dan keperluan penggunaan bahasa mengikut konteks.

[Hazimah]

9.0 CADANGAN PENYELIDIKAN UNTUK PROJEK MENDATANG

Berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh pengkaji dalam kajian ini yang mana cadangan-cadangan ini adalah dianggap dapat membantu memperkembangkan lagi kaedah yang digunakan pada masa akan datang. Berikut merupakan cadangan-cadangannya iaitu menjalankan lebih banyak kajian video supaya lebih banyak data dapat dikumpulkan dalam kajian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan satu video mengikut domain iaitu domain kekeluargaan, pekerjaan, pendidikan, agama dan persahabatan. Selain itu, penelitian secara terancang perlu dilakukan semasa melakukan kajian supaya kajian dalam bidang sosiolinguistik ini dapat memberikan penjelasan yang lebih mendalam. Kajian ini juga boleh dijalankan melalui kaedah etnografi iaitu satu kaedah yang mana pengkaji perlu meluangkan masa dalam kajian lapangan bagi menemu bual, memantau serta mendokumentasi bagi memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap kajian ini. Kaedah ini memerlukan masa maka data yang

diambil akan lebih terperinci. Di samping itu kajian melalui kaedah ini dapat memberikan gambaran dan pengkaji dapat belajar mengenai budaya masyarakat di Malaysia. Kajian ini merupakan satu kajian mengenai perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa Melayu tinggi dan bahasa Melayu rendah mengikut pandangan Fishman (1972) melalui satu video youtube. Walaupun demikian, terdapat banyak lagi aspek lain yang belum diterokai oleh pengkaji. Kajian ini merupakan kajian yang bersifat umum, pengkaji mencadangkan agar satu kajian kursus dibuat untuk memperincikan lagi aspek-aspek lain yang belum diterokai. Seterusnya, cadangan lain yang boleh dilakukan ialah pengkaji boleh melakukan kajian di luar supaya pengkaji dapat mengutip data secara langsung melalui kaedah temu bual. Data-data yang diperolehi oleh pengkaji boleh dipadankan mengikut domain-domain yang ingin dikaji.

[Atiqkah]

10.0 PENUTUP

Kajian ini merupakan kajian corak pilihan bahasa yang berlandaskan fenomena linguistik iaitu fenomena diglosia dalam masyarakat berbahasa melayu di *Youtube* mengikut Teori Domain (Fishman 1972). Dengan itu, kajian ini memerihalkan pilihan bahasa melalui pemerhatian ke atas lima domain Bahasa iaitu domain pekerjaan, pendidikan, keagamaan, kekeluargaan dan juga persahabatan. Secara keseluruhannya, kajian ini menerangkan tentang penggunaan teori domain merujuk kepada konsep bahasa tinggi dan bahasa rendah masyarakat di *Youtube* yang diperolehi daripada analisis data yang jelas. Kajian ini telah membantu pengkaji mengenal pasti perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa Melayu tinggi dan rendah mengikut pandangan Fishman (1972). Pengkaji dapat melihat perbezaan penggunaan bahasa Melayu tinggi dan rendah dalam setiap domain. Hal ini demikian kerana, perbezaan domain akan menyebabkan perbezaan penggunaan Diglosia ini. Fishman ada mengatakan bahawa domain ini adalah perkara yang berkaitan dengan situasi, perhubungan dan peranan, tingkah laku penutur serta kejadian bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik (Fishman 1991: 45) yang telah membawa kepada perbezaan pemilihan kata dan penggunaan perbendaharaan kata. Dalam hal yang berkaitan dengan pilihan bahasa, Fishman merujuk kepada masyarakat yang pelbagai bahasa dan bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh semua ahli dalam masyarakat tersebut. Setiap masyarakat bahasa menuturkan banyak variasi atau ragam bahasa. Dalam beberapa hal, variasi bahasa yang berlainan itu mungkin mewakili bahasa dalam aspek pekerjaan, pendidikan, keagamaan, kekeluargaan dan juga persahabatan. Oleh itu, pemilihan bahasa tinggi dan rendah akan wujud apabila terdapatnya pelbagai bahasa dalam komunikasi sesuatu komuniti masyarakat berbahasa Melayu sama dengan komunikasi di video *Youtube* yang menjadi pilihan kajian. Para penutur memilih salah satu bahasa sebagai keperluan mereka untuk dapat berinteraksi dan digunakan dalam konteks tertentu. Perkara bererti penutur dalam sesuatu komuniti perlu mengetahui alternatif untuk memilih bahasa yang sesuai semasa mereka bertutur. Pendek kata, domain merupakan penggunaan pelbagai bahasa dalam konteks sosial atau latar yang bergantung kepada fungsi dan topik perbincangan dalam sesebuah komuniti (Holmes 2001). Oleh yang demikian, setiap pilihan bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat berbahasa Melayu seperti di *youtube* telah memberi pengetahuan baharu bahawa pilihan bahasa adalah satu keperluan dalam hidup masyarakat yang menggunakan pelbagai pengelasan bahasa diglosia iaitu bahasa tinggi dan rendah untuk berhubung dengan semua ahli masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. [Fikrah, Atiqkah]

RUJUKAN

- Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan Rangka kerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol.1, (17-23), 2016 **[Fikrah]**
- Fishman, J. A. (1972). Domains and the relationship between micro- and macrosociolinguistics. Dalam Sa'adiah Ma'alip. (2015) Pemilihan Bahasa Dalam Komunikasi Di Laman Sosial. *Malaysian Journal of Communication*. Universiti Kebangsaan Malaysia. **[Hazimah]**
- Fuad, Z. (2015). Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah (Satu Kajian Dari Perspektif Al-Qur'an). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 16. **[Farhanim]**
- Holmes.J. (2002). An Introduction to Sociolinguistic. (3rd edition). England: Peason Longman. **[Hazimah]**
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*. **[Fikrah]**
- Kamaruddin Isayah. (2019). Analisis Pemilihan dan Percampuran Bahasa dalam Masyarakat Melayu di Wilayah Sempadan Selatan Thailand. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia. **[Fikrah]**
- Kudin, A. H., & Harun, K. (2017). "Diglosia" dan "Loyalti" Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*, 21(2). **[Farhanim]**
- Lau Su Kia (2007). Fenomena Percampuran Kod Dalam Iklan Perniagaan Bahasa Cina Di Malaysia. Universiti Malaya. **[Hazimah]**
- Marican, S. (2005). Kaedah kualitatif dan penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 6(1). **[Atiqkah]**
- Meyerson, M. (2010). Success secrets of the social media marketing superstars. USA: Entrepreneur Media Inc. **[Hazimah]**
- Miftahul Jannah (2020). Diglosia Pada Bahasa Betawi di Daerah Cipondoh Kota Tangerang: Kajian Sociolinguistik. Universitas Muhammadiyah Tangerang. **[Hazimah]**
- Mohammed Azlan Mis. (2010). Lingua Franca di Sarawak: Aplikasi Teori Pilihan Bahasa. *Journal of Language Studies*. V.10(2)- (97-116) **[Fikrah]**
- Mohd. Arifin Mohd. Arif, Norazlina Mohd Kiram & Noor Aina Dani. (2020). Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 5, Issue 7, (page 59 - 75). **[Fikrah, Hazimah]**
- Muna Afifah Mohd Zulkepli. (2017). Kelestarian Bahasa Jahai dari Sudut Sociolinguistik. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia. **[Fikrah]**
- Nur Azuki Yusuff. (2018). Loghat Kelantan Pemangkin Jati Diri Rakyat Kelantan: Kelestarian dan Pemerkaannya. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities* Vol.1 (2) Disember. 2018. **[Amir Rusmi]**

- Noresah Baharom. (2005). Kamus dewan edisi keempat. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. **[Hazimah]**
- Sa'adiah Ma'alip. (2015). Pemilihan Bahasa dalam Komunikasi di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2) 2015: 231-246 **[Fikrah]**
- Sa'adiah Ma'alip. (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Peralihan Bahasa Masyarakat Orang Asli Che Wong. Universiti Kebangsaan Malaysia. **[Hazimah]**
- Yance, I. (2018). Situasi Diglosia Suku Bonai di Provinsi Riau. *Madah*, 8(2), 127-136. **[Farhanim]**
- Yusof, R (2003). *Penyelidikan Sains Sosial (Social Science Research)*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributors (Malay Version). **[Atiqkah]**
- Zamri Mahamod & Nur Razah Lim. (2011). Kepelbagaian Kaeah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol. 1, Bil. 1: 51-65 **[Fikrah]**

LAMPIRAN 1 – SENARAI NAMA DAN URL VIDEO YOUTUBE

- 1) **TAJUK VIDEO 1:** Sam & Tilla | Kenal ke Tak?
URL VIDEO YOUTUBE: <https://youtu.be/Oj4MDLcaQgc> [Amir Zikri]
- 2) **TAJUK VIDEO 2:** Cikgu Neelofa Ajar Kecek Bahasa Kelate / Speshals Sunday (Jun,14,2020)
URL VIDEO YOUTUBE: https://www.youtube.com/watch?v=XfvK_VMinFg&t=443s [Amir Rusmi]
- 3) **TAJUK VIDEO 3:** Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam
URL VIDEO YOUTUBE: <https://youtu.be/WoQCl0apL-o> [Farhanim]
- 4) **TAJUK VIDEO 4:** Dr. Maszlee x John Bear (2 Januari 2020)
URL VIDEO YOUTUBE: <https://www.youtube.com/watch?v=0a5BsqkN2II&t=75s> [Atiqkah]
- 5) **TAJUK VIDEO 5:** Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen | MHI (15 Mei 2019)
URL VIDEO YOUTUBE: <https://youtu.be/mOMxwiRcvig> [Fikrah]
- 6) **TAJUK VIDEO 6:** Kena Tahu: Alter & Go Terokai Bidang Jahitan & Tawar Pekerjaan | Borak Kopitiam (3 Ogos 2019)
URL VIDEO YOUTUBE: https://youtu.be/w-iq3s3Xq_M [Hazimah]

NAMA PENYEDIA ALAMAT: HAZIMAH

LAMPIRAN 2 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 1- [Sam dan Tilla | Kenal ke Tak?]

TAJUK VIDEO 1: Sam dan Tilla | Kenal ke Tak?



Sumber: <https://youtu.be/Oj4MDLCaQgc>

NAMA PENYEDIA: AMIR ZIKRI

LAMPIRAN 3 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 2- [Cikgu Neelofa Ajar Kecek Bahasa Kelate | Speshals Sunday(Jun,14,2020)]

TAJUK VIDEO 2: Cikgu Neelofa Ajar Kecek Bahasa Kelate | Speshals Sunday(Jun,14,2020)



Sumber: https://www.youtube.com/watch?v=XfvK_VMinFg&t=443s

NAMA PENYEDIA: AMIR RUSMI

LAMPIRAN 4 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 3- [Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam]

TAJUK VIDEO 3: Sembang Santai bersama Ustaz Wan Hizam



<https://youtu.be/WoQClapL-o>

NAMA PENYEDIA: FARHANIM

LAMPIRAN 5 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 4- [Dr. Maszlee x John Bear (2 Januari 2020)]

TAJUK VIDEO 4: Dr. Maszlee x John Bear (2 Januari 2020)



<https://www.youtube.com/watch?v=0a5BsqkN2II&t=75s>

NAMA PENYEDIA: ATIQKAH

LAMPIRAN 6 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 5- [Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen | MHI (15 Mei 2019)]

TAJUK VIDEO 5: Minat Mendorong Belia Ceburi Bidang Fesyen | MHI (15 Mei 2019)



Sumber: <https://youtu.be/mOMxwiRcvig>

NAMA PENYEDIA: FIKRAH

LAMPIRAN 7 – MAKLUMAT VIDEO YOUTUBE 6- [Kena Tahu: Alter & Go Terokai Bidang Jahitan & Tawar Pekerjaan | Borak Kopitiam (3 Ogos 2019)]

TAJUK VIDEO 6: Kena Tahu: Alter & Go Terokai Bidang Jahitan & Tawar Pekerjaan | Borak Kopitiam (3 Ogos 2019)



Sumber: https://youtu.be/w-ig3s3Xq_M

NAMA PENYEDIA: HAZIMAH

LAMPIRAN 8 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 1

e-Bangi Faculty of Social Sciences and Humanities
Universiti Kebangsaan Malaysia
Journal of Social Sciences and Humanities
Vol. 16, No.9 (115-132), ISSN: 1823-884x

PEMILIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT SEMAI DI HULU SELANGOR

(Language Selection in Semai Community in Hulu Selangor)

Siti Aisah binti Zailani, Riduan Makhtar & Mohd Sharifudin bin Yusop

ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dapat dibahagiakan kepada tiga kelompok besar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli yang juga disebut sebagai Melayu-Proto. Makalah ini membincangkan pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Semai di kawasan Hulu Selangor, iaitu di Kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang. Kajian lapangan telah dimanfaatkan dalam memperoleh data primer di kedua-dua kawasan kajian. Informan terdiri daripada penutur natif bahasa Semai yang menetap di kedua-dua buah perkampungan Orang Asli tersebut dan juga mereka yang mempunyai hubungan erat dengan masyarakat tersebut. Pendekatan kualitatif dan kuantitatif dimanfaatkan bagi mengungkapkan tingkah laku bahasa masyarakat bahasa Semai dengan menggunakan kaedah soal selidik, rakaman dan pemerhatian turut serta. Seramai 175 orang responden dipilih secara rawak bagi mewakili Kampung Orang Asli Serigala dan Kampung Orang Asli Changkat Bintang bagi menjawab borang soal selidik. Penerapan Teori Domain Fishman (1972) dijadikan kayu ukur dalam menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa dalam kalangan masyarakat Semai. Hasil dapatan menunjukkan penduduk Orang Asli masih lagi meletakkan bahasa Semai sebagai wahana utama ketika berkomunikasi di sesaka mereka khususnya dalam mandala kekeluargaan.

Kata kunci: Pemilihan bahasa, bahasa Semai, Orang Asli Semai, Mandala

ABSTRACT

The aboriginal communities in Peninsular Malaysia can be classified into three groups, namely Negrito, Senoi and Malay Asli, also known as Malay-Proto. The Senoi tribe are the largest group of Orang Asli, followed by the Malay-Proto groups and Negrito groups. Each group is divided into a several distinct ethnic groups. The Semai tribe is the tribal groups of Senoi people. This study is aimed to recognizing the language choice and use in the Semai community in Hulu Selangor, namely in Kampung Serigala and Kampung Changkat Bintang. The Semai language is the native language for the Semai community in both villages which became the point of this study. In general, the Semai community in the studies area is a community of bilingual communities and some of the multilingual languages with Malay are the second language of the tribe. The field study method was used to obtain the primary data in the studies area. Informants consist of the native Semai speakers who live in both Orang Asli villages as well as those with close contact with the community. This study also uses qualitative and quantitative approaches to

115

SUMBER: <http://ejournals.ukm.my/ebangi/article/view/36294/10023>

NAMA PENCARI ARTIKEL: HAZIMAH DAN FIKRAH

LAMPIRAN 9 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 2

Jurnal Inovasi Pendidikan M.H. Thamrin, 1: Februari 2017

ISSN 2549-3310

Diglosia antara bahasa Jawa dan Sunda (study kasus masyarakat bahasa kecamatan Lemah Abang Kabupaten Cirebon)

Endang Iryani,

(Program studi Bahasa Inggris, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universitas MH. Thamrin)

ABSTRAK

Diglosia merupakan fenomena masyarakat yang menggunakan dua bahasa dalam kehidupan sehari-hari. Diglosia hampir mirip dengan bilingual akan tetapi diglosia berdasarkan teori Fishman memiliki tarap bahasa tinggi dan bahasa rendah. Penelitian yang dilakukan di kecamatan Lemah Abang Kabupaten Cirebon Jawa Barat merupakan penelitian deskriptif terhadap diglosia bahasa Jawa dan Sunda di masyarakat pengguna bahasa Lemah Abang.

Penelitian ini menggunakan metode Kualitatif dengan pendekatan Fenomologi. Penelitian ini menjabarkan keadaan bahasa Jawa dan Sunda yang terdapat pada masyarakat kecamatan Lemah Abang dalam kehidupan sehari-hari. Analisa diglosia yang digunakan oleh penulis menggunakan teori Ferguson, yakni Fungsi, Prestise, Pemerolehan, Standardisasi, Stabilitas, Gramatika, Leksikon, dan Fonologi.

Hasil penelitian ini menunjukan bahwa pertama bahasa Jawa digunakan oleh masyarakat kecamatan Lemah Abang lebih banyak digunakan pada saat transaksi perdagangan dan bisnis lainnya. Kedua, ada garis teritorial bahasa pada kecamatan Lemah Abang, desa Lemah Abang mayoritas bahasa yang digunakan adalah Jawa sedangkan Desa Sindang Laut dan Asem adalah bahasa Sunda. Ketiga, masyarakat yang bahasa ibunya adalah bahasa Sunda hampir masyarakatnya mampu menggunakan bahasa Jawa dengan aksen dan intonasi mirip dengan pengguna bahasa Jawa sebagai bahasa ibu. Sedangkan masyarakat bahasa Jawa ketika menggunakan bahasa Sunda terkendala dengan aksen dan intonasinya.

Latar belakang

Bahasa merupakan alat komunikasi manusia dalam menyampaikan pesan antar sesama. Dalam fungsinya, bahasa mampu merubah keadaan seseorang tanpa disadari dan disadari, seperti marah, bahagia dan sedih. Orang akan marah ketika dia mendapatkan pesan yang menyinggung perasaan dirinya. Dan orang akan bahagia ketika dia mendapatkan kata-kata yang mampu membangkitkan rasa ketegangan dan rangsangan semangat hidup melalui otak kanannya.

Dalam fungsi keseharian, bahasa berguna juga sebagai alat komunikasi pengantar hubungan ekonomi atau bisnis. Bisnis akan berjalan dengan lancar ketika kedua orang tersebut mampu berkomunikasi dengan baik dan berakhir saling menguntungkan. Sehingga dapat disimpulkan bahwa bahasa merupakan alat dan sistem bagi manusia, seperti yang dikatakan oleh Sibarani (2004:37) Bahasa adalah bahasa sebagai sistem tanda atau sistem lambang, sebagai alat komunikasi, dan digunakan oleh kelompok manusia atau masyarakat.

Kaitan bahasa dengan pengguna bahasa (masyarakat) dalam kajian ilmu bahasa masuk dalam ranah keilmuan sosiolinguistik. Fishman (1972) dalam Chaer dan Agustina (2004:3) mengemukakan bahwa sosiolinguistik adalah kajian tentang ciri khas variasi bahasa, fungsi variasi bahasa, dan penggunaan bahasa karena ketiga unsur ini berinteraksi dalam dan saling mengubah satu sama lain dalam satu masyarakat tutur, identitas sosial dari penutur, lingkungan sosial tempat peristiwa tutur terjadi serta tingkatan variasi dan ragam linguistik. Jadi masyarakat adalah penentu dari munculnya keanekaragaman bahasa.

1 | Page

Sumber: <http://journal.thamrin.ac.id/index.php/jipmht/article/view/1/1>

NAMA PENCARI ARTIKEL: AMIR ZIKRI DAN ATIQKAH

LAMPIRAN 10 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 3

ISSN 1823-9242 Jurnal Linguistik Vol.21 (2) Disember 2017 (048-059)



PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 21 (2) Disember 2017(048-059)

**“Diglossia” dan “Loyalti” Bahasa dalam Kalangan Masyarakat
Orang Asli Semai**

Abd. Hadi Kudin
adilui1974@gmail.com

Karim Harun
linguist@ukm.edu.my

*Pusat Bitara Bahasa Melayu,
Fakulti Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Abstrak

Kajian ini berkenaan masyarakat bahasa Orang Asli Semai (OAS) yang dijalankan di kawasan perkampungan Semai daerah Batang Padang, Tapah, Perak. Fokus kajian adalah tentang pemilihan bahasa dan 'diglossia' dalam masyarakat OAS. Metodologi yang diguna dalam kajian ini ialah metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan menerapkan kerangka kajian bidang sosiolinguistik sebagai landasan utamanya. Teori yang digunakan ialah pendekatan analisis domain Fishman (1972) yang meneliti pemilihan bahasa berdasarkan domain. Informan terdiri daripada masyarakat OAS yang ditemui di kawasan Batang Padang, Tapah, Perak berdasarkan penentuan sampel menggunakan teknik *accidentally* seperti yang dinyatakan oleh Creswell (1998). Data rakaman diambil menggunakan pendekatan Domain Fishman (1972). Analisis kajian adalah berdasarkan kaedah kualitatif. Hasil kajian mendapati tidak ada diglossia dalam masyarakat bahasa OAS. Bahasa Melayu (BM) merupakan bahasa yang berstatus tinggi sebagai bahasa perhubungan manakala BS sebagai bahasa bahasa ibunda sangat dihargai oleh mereka. Sikap loyalti terhadap bahasa ibunda ini membuatkan bahasa Semai semakin berkembang. Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan digunakan pada situasi tertentu khususnya dalam situasi formal. Tiada dialek BS atau variasi tertentu yang digunakan sebagai unsur diglossia namun BM telah memainkan peranan sebagai pengganti 'diglossia' dalam domain tertentu yang dianggap tinggi oleh masyarakat bahasa OAS.

Kata kunci: Pemilihan bahasa, bahasa Semai, bahasa Melayu, orang asli Semai, diglossia.

“Diglossia” and “Loyalty” of Language in the Orang Asli Semai Community

Abstracts

This study is related to the language of Orang Asli Semai (OAS) which conducted at Semai village in the district of Batang Padang, Perak. The focus of the study is about the language choice and 'diglossia' that exists in the society of the OAS community. The methodology used for this study is the method of literature review and field studies by applying the framework of sociolinguistic research field as its main foundation. The theory used in this research is domain analysis approach by Fishman (1972) who studied the language selection based on domain. The subjects are the OAS met in Batang Padang, Perak by using accidentally sampling techniques as noted by Creswell (1998), the

48

Sumber: <https://jurnal.plm.org.my/wp-content/uploads/2018/01/5.-Diglossia-dan-Loyalti-Bahasa-dalam-Kalangan-Masyarakat-Orang-Asli-Semai-.pdf>

NAMA PENCARI ARTIKEL: FARHANIM DAN AMIR RUSMI

LAMPIRAN 11 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 4

SITUASI DIGLOSIA SUKU BONAI DI PROVINSI RIAU

DIGLOSIA OF BONAI ETHNIC IN RIAU PROVINCE

Imelda Yance

Balai Bahasa Riau
Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan
Jalan H.R. Soebrantas Km. 12,5 Kampus Binawidya,
Kompleks Universitas Riau, Panam, Pekanbaru, 28293
Telepon: (0761) 65930 dan (0761) 589452; Faksimile (0761) 589452
Pos-el: iyance69@gmail.com

Naskah diterima: 27 Desember 2017; direvisi: 15 Januari 2018; disetujui: 15 Januari 2018

DOI: <http://dx.doi.org/10.26499/madah.v8i2.645>

Abstrak

Suku Bonai (suku terasing dan minoritas di Provinsi Riau) merupakan masyarakat yang dwi/multilingual. Mereka berpotensi menjadi masyarakat yang diglosik karena menguasai dan menggunakan lebih dari satu bahasa dalam komunikasi. Untuk mengetahui potensi tersebut, kajian ini difokuskan pada kediglosiaan suku Bonai. Tujuannya adalah untuk menentukan dan mendeskripsikan status kediglosiaan suku Bonai dari segi fungsi, prestise, warisan budaya, pemerolehan, standarisasi, stabilitas, leksikon, dan sistem fonologis. Kajian ini bersifat kuantitatif dan kualitatif. Data diperoleh melalui survei dengan menggunakan kuesioner dan studi kepustakaan. Sampel berjumlah 78 orang, ditarik dengan teknik acak bertujuan. Data kuantitatif diolah dengan program Excel dan SPSS sedangkan data kualitatif dengan diolah dengan analisis wacana. Dari analisis data, suku Bonai dapat dikategorikan sebagai masyarakat yang diglosik sekaligus bilingualisme. Simpulan tersebut didasari oleh aspek fungsi, prestise, pemerolehan, standarisasi, leksikon, dan sistem fonologis. Dari analisis data juga terungkap bahwa bahasa Indonesia merupakan kode *H* (*high*) sementara bahasa suku Bonai merupakan kode *L* (*low*). Walaupun demikian, situasi diglosia pada suku Bonai belum mantap dari segi stabilitas karena belum berlangsung dalam masa ratusan tahun. Di samping itu, juga terjadi ketirisan diglosia (*diglossia leaked*), yaitu penyusupan kode *L* ke ranah-ranah kode *H* atau sebaliknya.

Kata kunci: diglosia; bilingualisme; bahasa suku asli/terasing/minoritas; suku Bonai

Abstract

Bonai ethnic/people (indigenous and minority people in Riau Province) is a bi/multilingual society. They have the potential to be a diglossic society because mastering and using more than one language in communication. To find out the potential, this study focused on the diglossia of the Bonai ethnic. The aims are to define and describe the status of the Bonai people diglossia in terms of function, prestige, cultural heritage, acquisition, standardization, stability, lexicon, and phonological systems. This study is quantitative and qualitative. Data were collected through surveys using questionnaires and literature studies. The sample numbered is 78 people, drawn by purposive random technique. Quantitative data is processed by Excel and SPSS program and qualitative data with discourse analysis. From the data analysis, the Bonai people can be categorized as both diglossia and bilingualism. The conclusions are based on the aspects of

Imelda Yance: Situasi Diglosia Suku Bonai di Provinsi Riau | 127

Sumber:

[https://www.researchgate.net/publication/322659631_SITUASI_DIGLOSIA_SUKU_BONAI_D
I_PROVINSI_RIAU](https://www.researchgate.net/publication/322659631_SITUASI_DIGLOSIA_SUKU_BONAI_DI_PROVINSI_RIAU)

NAMA PENCARI ARTIKEL: HAZIMAH DAN FIKRAH

LAMPIRAN 12 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 5

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 571-578
ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016,
Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.527>

DIGLOSLIA DALAM SALINA: SATU KAJIAN SOSIOLINGUISTIK

Mohamad Zaki Abdul Halim

mohamad_zaki_halim@ahsgs.uum.edu.my

Melor Fauzita Md. Yusoff

fauzita@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Kertas kerja ini akan meneliti kewujudan diglosia dalam dialog yang digarapkan oleh A.Samad Said melalui novel Salina. Analisis dijalankan berdasarkan sifat-sifat diglosia yang wujud berdasarkan Ferguson (1959) dan Fishman (1967). Pengukur ini adalah untuk memperhatikan kewujudan diglosia dalam bentuk dwi/multibahasa. Analisis ini dideskripsi dalam bentuk kualitatif. Kaedah utamanya adalah mengumpul data diglosia daripada teks novel dan dihubungkan dengan faktor sosiolinguistik yang menentukan pemeringkatan diglosia. Dapatan mendapati terdapat diglosia rendah (L) yang wujud dalam beberapa pemeringkatan dan berlaku pertindihan fungsi. Terdapat juga diglosia rendah yang mencapai tahap tinggi (H) apabila berlaku pertembungan dua diglosia rendah yang dibezakan oleh faktor sosiolinguistik menjadikannya sebagai (HL).

KATA KUNCI - Sosiolinguistik, diglosia, Salina

PENGENALAN

Kajian meneliti aspek diglosia yang terdapat dalam novel Salina oleh A. Samad Said. Novel ini merupakan magnum opus Datuk A.Samad Said yang pernah dicetak kali pertama pada tahun 1961 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Analisis pemeringkatan diglosia dalam kajian ini berfokus kepada naskhah yang diterbitkan semula pada tahun 2012 oleh Wirabukit Sdn. Bhd. Batasannya dikhususkan kepada penganalisan dialog yang terdapat dalam novel ini untuk melihat jenis diglosia yang akan dipadankan dengan teori-teori diglosia oleh Ferguson (1959) dan Fishman (1967). Dialog yang dianalisis dilihat dari aspek kewujudan pemeringkatan taraf bahasa tinggi (H) dan bahasa rendah (L). Dialog-dialog yang diteliti diberi taraf H atau L berpadanan dengan teori yang diguna pakai, iaitu teori diglosia Ferguson (1959) dan teori diglosia Fishman (1967). Fokus kajian diglosia dalam naskhah ini hanya melibatkan bentuk diglosia dwi/multibahasa di Malaysia.

KONSEP DIGLOSLIA

Konsep asas diglosia telah diperkenalkan oleh Ferguson (1959). Ferguson berpendapat, diglosia adalah istilah yang menerangkan situasi tentang wujudnya variasi bahasa dalam sesebuah komuniti dan variasi ini memainkan fungsi yang ditetapkan oleh penggunaannya. Variasi yang dimaksudkan ialah variasi bahasa tinggi (H) dan variasi bahasa rendah (L). H merujuk *high language* yakni *a very divergent, highly codified (often grammatically more complex) superposed variety manakala L pula merujuk the primary dialects og language (which may include a standard or regional standadrds)*, (Ferguson, 1959).

Menurut takrifan Kamus Dewan (2005), diglosia adalah kewujudan dua variasi bahasa dalam sesuatu bahasa mengikut situasi, yang satu lebih tinggi statusnya apabila berada dalam situasi formal berbanding dengan

571

Sumber:

https://www.researchgate.net/publication/317076687_DIGLOSLIA_DALAM_SALINA_SATU_KAJIAN_SOSIOLINGUISTIK

NAMA PENCARI ARTIKEL: AMIR ZIKRI DAN ATIQKAH

LAMPIRAN 13 – HALAMAN PERTAMA ARTIKEL 6

Kajian Sociolinguistik: Fenomena Diglosia Pada Mahasiswa Pendidikan Bahasa Indonesia Angkatan 2017 UNS

NARINDRA RAMADHANI PRIBADI

Universitas Sebelas Maret

Pos-el: narindrarp88@gmail.com

ABSTRACT

Language is a communication tool used by the public, especially speakers to interact, communicate with other communities. Indonesian is one of the languages used by Indonesian people to communicate with people of diverse backgrounds. The background of Indonesian society from various cultures, ethnicities, races, and regions causes a phenomenon of diglosia. Diglosia is a language phenomenon in which there is a functional division of language variations (high linguistic diversity and low linguistic diversity) that exist in the community. Research conducted on Indonesian language education students is a descriptive qualitative analysis through a phenomenological approach. This study aims to determine the state of the phenomenon of diglosis in Indonesian language education students 2017 in daily life. From the results of the analysis it was found that Indonesian and Javanese H (High) are used when talking to lecturers and staff or during lectures. While Indonesian and Javanese L (Low) are used when talking to peers.

Keywords:

linguistics, sociolinguistics, diglosia, Indonesian, bilingualism, communication

ABSTRAK

Bahasa adalah suatu alat komunikasi yang digunakan masyarakat khususnya penutur untuk berinteraksi, berkomunikasi dengan masyarakat lainnya. Bahasa Indonesia menjadi salah satu bahasa yang digunakan oleh masyarakat Indonesia untuk berkomunikasi dengan masyarakat yang beragam latar belakangnya. Latar belakang masyarakat Indonesia yang berasal dari berbagai budaya, suku, ras, dan daerah menyebabkan suatu fenomena diglosia. Diglosia merupakan suatu fenomena bahasa di mana terdapat pembagian fungsional atas variasi bahasa (ragam bahasa tinggi dan ragam bahasa rendah) yang ada di lingkungan masyarakat. Penelitian yang dilakukan terhadap mahasiswa pendidikan bahasa Indonesia merupakan penelitian kualitatif yang bersifat deskriptif analisis melalui pendekatan fenomenologi. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui keadaan fenomena diglosia pada mahasiswa pendidikan bahasa Indonesia 2017 dalam kehidupan sehari-hari. Dari hasil analisis ditemukan bahwa bahasa Indonesia dan bahasa Jawa ragam T (Tinggi) digunakan saat berbicara dengan dosen dan karyawan atau pada saat perkuliahan berlangsung. Sedangkan bahasa Indonesia dan bahasa Jawa ragam R (Rendah) digunakan saat berbicara dengan teman sebaya.

Kata kunci:

linguistik, sociolinguistik, diglosia, bahasa Indonesia, bilingualisme, komunikasi

Sumber: <https://osf.io/75phq/download/?format=pdf>

NAMA PENCARI ARTIKEL: FARHANIM DAN AMIR RUSMI

LAMPIRAN 14 – RINGKASAN BERJADUAL DAN KESIMPULAN UNTUK PENYELIDIKAN LEPAS BAGI ARTIKEL 1 (KAJIAN DI DALAM MALAYSIA)

1.	TAJUK	PEMILIHAN BAHASA DALAM MASYARAKAT SEMAI DI HULU SELANGOR
2.	PENULIS	Siti Aisah binti Zailani, Riduan Makhtar & Mohd Sharifudin bin Yusop
3.	JURNAL	Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan
4.	PENJILIDAN	Vol. 16. No.9 (115-132)
5.	KATA KEKUNCI	Pemilihan bahasa, bahasa Semai, Orang Asli Semai, Mandala
6.	PERSOALAN KAJIAN	Apakah pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat Semai di Kawasan Hulu Selangor, iaitu kampung Serigala dan Kampung Changkat Bintang
7.	TUJUAN KAJIAN	1. Mengkaji pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai 2. Mengenalpasti bahasa utama yang digunakan masyarakat Semai ketika berkomunikasi
8.	KEPENTINGAN KAJIAN	1. Menjadi rujukan ilmiah kepada para penyelidik dan para pelajar pada masa akan datang berkaitan kajian ini 2. Menjadi kajian yang utuh untuk dijadikan rujukan utama ahli akademik 3. Menambahkan data baharu dari aspek akademik terhadap masyarakat dan negara
9.	PEMBATASAN KAJIAN	1. Sociolinguistik 2. Pemilihan bahasa utama yang dituturkan
10.	PENULIS ARTIKEL KAJIAN LEPAS	Hassan Mohd Rashdi (2011) Hadi dan Karim (2017) Santrol Abdullah (2016)
11.	KAEDAH KAJIAN	1. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif dimanfaatkan bagi 2. mengungkapkan tingkah laku bahasa masyarakat Semai dengan menggunakan kaedah soal selidik, rakaman dan pemerhatian. 3. Responden dipilih secara rawak seramai 175 orang
12.	LANDASAN TEORETIS	1. Berlandaskan kajian lepas yang dapat menjadi pemacu kajian ini 2. Pengkajian ini berteraskan masyarakat dwibahasa akan penggunaan bahasa yang dituturkan
13.	DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	1. Pengkaji menggunakan kajian lapangan yang telah dijalankan di dua buah perkampungan Orang Asli yang terlibat 2. Seramai 175 orang responden dari 309 orang dipilih secara rawak yang terdiri daripada empat generasi penutur Semai.

SUMBER: <http://ejournals.ukm.my/ebangi/article/view/36294/10023>

NAMA PEMBUAT JADUAL: HAZIMAH DAN FIKRAH

KESIMPULAN PELAJAR**NAMA PEMBUAT KESIMPULAN: HAZIMAH DAN FIKRAH**

Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar dan Mohd Shariffudin (2019) dalam jurnal yang bertajuk *Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor* mengkaji pemilihan dan penggunaan Bahasa dalam masyarakat Semai di Kawasan berkenaan. Secara umumnya, Bahasa semai telah menjadi bahasa ibunda bagi masyarakat setempat berkenaan yang menjadi titik kajian tersebut dan menekankan aspek penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa kedua bagi kaum tersebut. Segala kajian lapangan telah dijalankan dengan menggunakan data primer bagi pengkajian itu dan mengaplikasikan pendekatan kualitatif serta kuantitatif. Penerapan Teori Domain Fishman (1972) juga dijadikan kayu ukur dalam menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa dalam masyarakat tersebut. Dengan sebab itulah, pengkaji akan melihat sama ada, dalam fenomena bentuk panggilan masyarakat Melayu dalam video Youtube pilihan, umur, jantina, keadaan dan situasi memainkan peranan dalam menentukan bentuk panggilan yang hendak digunakan seperti yang tertera dalam tujuan kedua penyelidikan pengkaji dan sama ada dapatan pengkaji sama atau berbeza daripada Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar dan Mohd Shariffudin (2019).

LAMPIRAN 15 – RINGKASAN BERJADUAL DAN KESIMPULAN UNTUK PENYELIDIKAN LEPAS BAGI ARTIKEL 2 (KAJIAN DI LUAR MALAYSIA)

1.	TAJUK	Diglosia antara bahasa Jawa dan Sunda
2.	PENULIS	Endang Iryani
3.	JURNAL	Jurnal Inovasi Pendidikan MH, Thamrin
4.	PENJILIDAN	Vol 1, Februari 2017
5.	KATA KEKUNCI	Diglosia antara bahasa Sunda dan Jawa
6.	PERSOALAN KAJIAN	1. Penelitian ini menfokuskan kepada fenomena diglosia: penggunaan bahasa Jawa dan Sunda di Lemah Abang Cirebon. 2. Melakukan analisis terhadap dua bahasa tersebut di dalam kehidupan seharian masyarakat Lemah Abang Cirebon
7.	TUJUAN KAJIAN	1. Mengkaji fenomena diglosia pada penggunaan bahasa Jawa dan Bahasa Sunda 2. Meneliti fungsi variasi bahasa dan penggunaan bahasa masyarakat berkenaan
8.	KEPENTINGAN KAJIAN	1. Menjadi rujukan ilmiah kepada para penyelidik dan para pelajar pada masa akan datang berkaitan kajian ini 2. Menjadi kajian yang sangat berguna untuk dijadikan rujukan utama ahli akademik bagi kajian luar sebegini. 3. Menambahkan data baharu dari aspek akademik terhadap masyarakat dan negara dengan kajian luar yang berkaitan
9.	PEMBATASAN KAJIAN	1. Mengenalpasti bahasa yang utama digunakan dalam masyarakat setempat 2. Apakah fenomena diglosia dan pemilihan bahasa yang digunakan dalam aktiviti harian
10.	PENULIS ARTIKEL KAJIAN LEPAS	Sibarani (2004) Fishman (1972) Chaer dan Augustina (2004)
11.	KAEDAH KAJIAN	1. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif dimanfaatkan bagi 2. mengungkapkan tingkah laku bahasa masyarakat Jawa dan Sunda dengan menggunakan kaedah soal selidik, rakaman dan pemerhatian. 3. Menggunakan data primer dan sekunder dalam pelaksanaan kajian ini.
12.	LANDASAN TEORETIS	Pengkaji menggunakan kajian lepas sebagai ukuran data dan maklumat tambahan bagi pengkajian berkenaan.
13.	DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN	1. Mengetahui fungsi bahasa Jawa dan Sunda dalam aspek komunikasi ketika berurusan bisnes dan aktiviti harian 2. Mengenal pasti adanya perbezaan struktur ragam T dan ragam R dari aspek fonologi dan boleh dikatakan perbezaannya tidak terlalu ketara.

Sumber: <http://journal.thamrin.ac.id/index.php/jipmht/article/view/1/1>

NAMA PEMBUAT JADUAL: AMIR ZIKRI DAN ATIQKAH

KESIMPULAN PELAJAR**NAMA PEMBUAT KESIMPULAN: AMIR ZIKRI DAN ATIQKAH**

